

Pemikiran Tuan Minal dalam Membahaskan Aspek *Mabadi 'Ilm Tawhid dan Ilah* dalam Kitab *'Aqidah al-Najin*

Tuan Minal's Thinking in Debating Aspen's Mabadi 'Ilm Tawhid and Ilah in 'Aqidah al-Najin Book

Pauzi Yusoff

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
pauziyusoff74@gmail.com

Mohd Fauzi Hamat

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
mfhamat@um.edu.my

Mohamad Azrien Mohamed Adnan

Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
mdazrien@um.edu.my

<https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol50no2.5>

Abstract

*One of Nusantara's experts, Tuan Minal, is adamant on publishing works, particularly in the area of religion. The *'Aqidah al-Najin fi 'Ilm Usul al-Din*, his book, is still in use today. This article will briefly explain the book *'Aqidah al-Najin*, which also discuss the peculiarities of this book in terms of definition, *Mabadi 'Ilm Tawhid and ilah*. This study uses a qualitative method where the book *'Aqidah al-Najin* is used as a primary source, while the process of analyzing the data is to use the method of content analysis of the book by making a comparative analysis of the work with several other scholars of the archipelago. The paper summarizes that Tuan Minal attaches great importance to the aspect of accuracy by choosing the right and appropriate words to make a definition. In addition, Tuan Minal tried to compile ten *Mabadi 'Ilm Tawhid* in learning the science of tawhid well and organized and carefully in discussing matters related to the divine spirit.*

Keywords: Tuan Minal, Aspects of Definition, *Mabadi 'Ilm Tawhid, Ilah*, Kitab *'Aqidah al-Najin*

Abstrak

Tuan Minal merupakan salah seorang ulama Nusantara yang sangat gigih menulis kitab khususnya dalam bidang akidah. Kitab beliau yang berjudul *'Aqidah al-Najin fi 'Ilm Usul al-Din* masih diguna pakai sehingga kini. Artikel ini akan menjelaskan secara ringkas kitab *'Aqidah al-Najin*, seterusnya membincangkan keistimewaan kitab ini dalam aspek pendefinisian, *Mabadi 'ilm Tawhid dan illah*. Kajian ini menggunakan metode kualitatif di mana kitab *'Aqidah al-Najin* dijadikan sumber primer, manakala proses menganalisis data adalah dengan menggunakan metode analisis kandungan terhadap kitab tersebut dengan membuat analisis perbandingan terhadap karya tersebut dengan beberapa karya ulama Nusantara yang lain. Makalah merumuskan bahawa Tuan Minal sangat mementingkan aspek ketelitian dengan memilih perkataan yang tepat dan sesuai untuk membuat pendefinisian. Selain itu, Tuan Minal berupaya menyusun sepuluh *Mabadi 'Ilm Tawhid* dalam mempelajari ilmu tauhid dengan baik dan tersusun serta teliti dalam membincangkan hal berkaitan dengan *dhat* ketuhanan.

Kata kunci: Tuan Minal, Aspek Pendefinisian, *Mabadi `Ilm Tawhid, Ilah, Kitab `Aqidah al-Najin*

Pendahuluan

Pemikiran akidah Islamiyyah telah diterima dan diamalkan dalam masyarakat Melayu sejak sekian lama iaitu sebelum kurun ke-15 Masihi lagi. Penerimaan agama Islam oleh orang Melayu ada tercatat di dalam sejarah Dinasti Sung (960-1279M) yang mendapati bahawa Islam telah berkembang pesat di sepanjang pantai Laut China Selatan pada tahun 977 Masihi. Hal ini diperkukuhkan lagi dengan penemuan sekeping dinar emas bertarikh 577 Hijrah dengan catatan ‘*al-Julus Kelantan*’ yang menunjukkan bahawa telah wujud sebuah kerajaan Islam di Kelantan.¹

Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu telah lama memeluk agama Islam dan telah menjadikan akidah Islam sebagai pegangan hidup Islam. Pemikiran akidah Islam yang kuat dalam diri masyarakat Melayu pada zaman dahulu telah berjaya ‘mencabut akar umbi’ akan segala bentuk pengaruh agama Hindu-Buddha yang telah sekian lama bertapak di rantau Melayu.² Kesannya, pemikiran orang-orang Melayu menjadi terkedepan di mana mereka mampu menolak pemikiran tahyul dan khurafat.³ Keintelektualan pemikiran ini akhirnya telah mendorong dan menyedarkan orang-orang Melayu tentang kepentingan ilmu pengetahuan.⁴ Keadaan ini telah menjadikan sebahagian orang-orang Melayu terkedepan dalam bidang penulisan.⁵ Lahirnya kitab-kitab Jawi dalam disiplin ilmu akidah menjadi bukti bahawa orang-orang Melayu sangat berpegang teguh dengan akidah Islam.⁶ Keutuhan akidah yang dimiliki telah menjadikan mereka hebat sehingga dikatakan memiliki pemikiran intelektual yang tinggi.⁷ Salah seorang daripada pemikir dalam bidang akidah yang terkenal dalam bidang

¹ Sa'ad Shukri Haji Muda, *Detik-Detik Sejarah Kelantan* (Kota Bharu: Penerbit PAP Kelantan, 1971), 28. Pegangan akidah yang sama antara penganut Islam di Nusantara dengan saudagar Arab telah mewujudkan suasana yang selesa sehingga mereka merasa selesa dan gemar menjalankan perniagaan di kepulauan Indonesia. Dalam masa yang sama juga mereka kerap singgah berniaga di pelabuhan-pelabuhan di Tanah Melayu pada abad ke-7 Masihi. Lihat Abd Jalil Borham, *Islam Di Nusantara* (Kertas kerja Kolokium Islam Pahang ‘Meraikan Ilmu’ anjuran Muzium Negeri Pahang, Panggung Tun Razak, Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang, 18 Mac 2014), 13.

² Lihat S. M Naquib al-Attas, *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (Bangi: Penerbit UKM, 1972), 3-4.

³ Muhammad Zaki Badawi, *Latar belakang Kebudayaan Penduduk-Penduduk di Tanah Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1962), 37. Sebelum kedatangan Islam, orang Melayu dipengaruhi oleh ajaran animisme dan Hindu-Buddha yang berasaskan kedewaan dan pemujaan. Lihat Arba'iyah Mohd Noor, “Perkembangan Persejarahan Islam di Alam Melayu”, *Jurnal al-Tamaddun* 6 (2011), 31.

⁴ Arba'iyah Mohd Noor, “Perkembangan Persejarahan Islam di Alam Melayu”, *Jurnal al-Tamaddun* 6 (2011), 33.

⁵ Wan Abdul Kadir Wan Yusoff, “Peradaban Melayu Dalam Modenisasi dan Globalisasi Budaya dalam Wacana Budaya”, *Jurnal Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Melayu* (2006), 16. Sesetengah orang Melayu yang sedar tentang kepentingan ilmu pengetahuan dan di tambah pula dengan kebolehan menulis serta memiliki kebijaksanaan maka mereka berupaya menghasilkan pelbagai jenis karya di dalam bahasa Melayu-Jawi. Hal ini telah diakui oleh George Werndly melalui keterangannya yang diterbitkan di Belanda pada 1736M mendapati terdapat 69 buah karya Melayu yang berada dalam pengetahuannya dan kemungkinan bilangannya lebih daripada itu kerana ia masih tersimpan di istana-istana raja. Lihat Andaya, Barbara Watson, *Perak, The Abode of Grace: A Study of an Eighteenth-Century Malay State* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1979), 158-159.

⁶ S. M Naquib al-Attas, *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1969), 29-30. Menurut Ding Choo Ming, terdapat lebih 10,000 judul manuskrip Melayu dikenal pasti tersebar di 151 buah institusi di 28 buah negara. Lihat Ding Choo Ming, *Manuskrip Melayu Sumber Maklumat Peribumi Melayu* (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008), 55-58.

⁷ Zainal Kling, “Social Structure: The Practices of Malay Religiosity”, dalam *Islamic Civilization in the Malay Word*, ed. Mohd Talib Osman (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997), 52. Perkembangan ilmu

penulisan akidah pada abad ke 19 ialah Sheikh Zainal Abidin al-Fatani yang turut dikenali dengan gelaran 'Tuan Minal'.

Memandangkan Tuan Minal seorang ulama yang hebat dalam pemikiran akidah, maka cara beliau mengolah sesuatu pendefinisan yang menjadi kerangka dalam perbahasan akidah juga adalah menarik. Sebelum membahaskan hal berkaitan dengan keistimewaan pendefinisan akidah yang dibahaskan oleh Tuan Minal, makalah ini terlebih dahulu akan memperkenalkan biodata Tuan Minal dan keistimewaan kitab *`Aqidah al-Najin*.

Biodata Tuan Minal

Nama sebenar Tuan Minal ialah Sheikh Zainal Abidin bin Muhammad bin Muhammad Dahhan bin Syeikh Wan Syamsuddin bin Syeikh Jaafar (1820-1915M).⁸ Dalam kalangan kaum keluarganya yang terdekat, Tuan Minal dikenali dengan nama Zayn al-'Abidin bin Muhammad al-Fatani.⁹ Selain itu, ada yang menggelarnya dengan nama Wan Zainal Abidin bin Wan Muhammad bin Wan Muhammad Dahhan bin Wan Syamsuddin bin Wan Jaafar bin Wan Husein bin Ali.¹⁰

Ahli sejarah juga tidak dapat mengenal pasti dengan tepat akan tarikh lahir dan kematiannya. Namun dianggarkan beliau lahir antara tahun 1820-an dan meninggal pada 1910-an iaitu sekitar umurnya 85 hingga 95 tahun.¹¹ Tuan Minal dikatakan lahir di Kampung Bendang Badang iaitu sebuah tempat yang terletak di lembangan Sungai Patani, berdekatan dengan Pekan Binjai Lima, di tengah perjalanan antara Bandar Patani dengan Bandar Yala.¹² Namun, catatan yang dibuat oleh Hj. Yusuf menyatakan beliau lahir di Kampung Kerisik atau Angkro dalam jajahan Patani.¹³ Manakala, catatan yang dibuat oleh Wan Mohd Shaghir menyatakan beliau lahir di Kampung Anak Ru Patani.¹⁴ Walaupun banyak kekeliruan dalam kalangan pengkaji sejarah dalam menentukan dengan tepat di manakah tempat beliau dilahirkan, namun secara umumnya beliau dilahirkan di negeri Patani iaitu suatu tempat yang sangat terkenal dengan lahirnya ramai ulama tersohor.

Dalam menentukan tarikh kematiannya pula, Ahmad Fathy al-Fatani menjelaskan isyarat mengenai tarikh kematiannya boleh diteliti daripada satu ungkapan ayat di halaman 18 dalam kitab *`Aqidah al-Najin*, cetakan kedua tahun 1332H (1914M) yang mengatakan;

“Bahawa hak cetak kitab berkenaan “terpelihara” pada anak pengarangnya, Syeikh Umar ibn al-Marhum Zainal ‘Abidin al-Fatani, maka tidak harus seseorang mencetaknya tanpa izin dan redhanya.”

yang dibawa oleh ulama Tanah Melayu telah membentuk satu budaya intelektual yang tinggi dalam masyarakat Melayu dan ia telah melalui satu proses pendidikan yang panjang serta diwarisi daripada satu generasi ke generasi. Lihat Mohd Anuar Ramli, Mohammad Aizat Jamaluddin, Muhammad Ikhlas Rosele & Mohd Akmal Sidik, “Sumbangan Ulama Melayu Klasik Dalam Pembinaan Kearifan Tempatan Di Alam Melayu,” *Jurnal Pengajian Melayu* 27 (2016), 192.

⁸ Ahmad Fathy al-Fatani, *Ulama Besar Dari Patani* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002), 71.

⁹ Sheikh Zainal Abidin al-Fatani, *`Aqidah al-Najin fi `Ilm Usul al-Din* (Fatani: Matba'ah bin Halabi, (t.t), 1.

¹⁰ Muhammad Rashidi Wahab, “Pendalilan Mantik Al-Ash'ari Dalam Akidah Ketuhanan” (Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 2019), 258.

¹¹ Ahmad Fathy al-Fatani, *Ulama Besar Dari Patani* (Kota Baharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2013), 62.

¹² Ahmad Fathy al-Fatani, *Ulama Besar dari Patani* (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002), 68.

¹³ Haji Yusuf al-Haji Mustafa Bandar Patani, *Sejarah Dan Silsilah Keturunan Tuan Minal* (t.tp: t.p, 1991), 1. Wan Mohd Shaghir Abdullah, *Ulama Dunia Melayu Yang diperkenalkan Dalam Utusan Malaysia* (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 2007), 137.

¹⁴ Wan Mohd Shaghir Abdullah, “Tuan Minal al-Fatani, Karangannya Rujukan Ulama Melayu”, dalam Wan Mohd Shaghir Abdullah, *Ulama Dunia Melayu yang diperkenalkan dalam Utusan Malaysia* (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 2007), 137.

Berdasarkan catatan pada kitab berkenaan yang selesai dicetak pada 17 Zulkaedah 1332H atau 6 Oktober 1914, maka ahli sejarah membuat andaian kitab tersebut telah dicetak, Tuan Minal sudah meninggal dunia. Kebiasaannya masa yang diambil adalah setahun untuk memperoleh izin cetak daripada anaknya bagi mencetak semula kitab tersebut pada zamannya.¹⁵ Dalam hal ini, dapatlah diandaikan bahawa beliau meninggal dunia pada 1913 Masihi iaitu setahun selepas kitab tersebut dicetak.

Beliau sangat dikenali dengan gelaran ‘Tuan Minal’¹⁶ Gelaran tersebut diberikan kepada beliau disebabkan apabila beliau berasa marah atau rungsing terhadap anak muridnya, Tuan Minal akan membacakan *Surah al-Nas*. Apabila sampai kepada ayat (*min al-jinnati wan nas*), beliau akan meninggikan nada suaranya.¹⁷ Justeru, amalan beliau yang seringkali menyebut ayat tersebut, maka melekatkah kalimah *min al-jinnah* itu menjadi gelarannya lalu kalimah tersebut disingkatkan menjadi ‘Minal’.¹⁸ Dalam bahasa Thai, Tuan Minal dikenali sebagai ‘*Toh Meena*’.¹⁹

Tidak ramai yang mengetahui bahawa Tuan Minal berdarah kacukan Arab daripada keturunan ulama mulia dari Hadramaut. Hal ini dapat dibuktikan melalui moyang beliau yang bernama Syeikh Ja’far yang berkahwin dengan Wan Jamilah al-Syandaniah. Wan Jamilah al-Syandaniah merupakan anak kepada seorang ulama yang terkenal dari Hadramaut iaitu Syeikh Ibrahim al-Hadhrami.²⁰

Tuan Minal mendapat pendidikan secara informal dari bapanya sendiri iaitu Syeikh Muhammad al-Fatani yang merupakan seorang ulama terkenal pada masa itu. Setelah itu, beliau belajar di Madrasah Kampung Bendang Badang dan meneruskan pengajian di Pondok Bendang Daya. Semasa berguru di pondok tersebut beliau sempat berguru dengan Sheikh Haji Wan Mustafa bin Muhammad Faqih al-Patani @ Tok Wan Pa yang merupakan pengasas pondok tersebut.²¹ Sahabat seangkatan semasa belajar di situ seperti Sheikh Wan Mohammad Zayn al-Fatani yang merupakan ayah kepada Sheikh Ahmad al-Fatani, Sheikh Abdul Qadir al-Fatani, Sheikh Abdul Qadir bin Abdul Rahman al-Fatani, Sheikh Wan Ali Kutan al-Kelantani, Sheikh Jamaluddin Negeri Sembilan dan Sheikh Hj. Abdul Samad Kelumbung dan ramai lagi.²²

Selain itu, guru beliau yang lain ialah Sheikh Abdul Rashid al-Fatani yang terkenal dengan gelaran ‘Keramat Pulau Bidan’ serta sempat belajar ilmu Usuluddin dengan Syaikh

¹⁵ Lihat Ahmad Fathy al-Fatani, *Ulama Besar Dari Patani* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002), 71.

¹⁶ Kenyataan ini boleh dilihat dalam halaman pertama buku *Aqidatun Najin Fi ‘Ilmi Usuliddin* yang dialih tulisan rumi oleh Noraine Abu yang diterbitkan oleh al-Hidayah Publication, 2019. Lihat Hasbullah Mohamad. “Hadith-Hadith Akidah dalam Kitab-Kitab Jawi: Tumpuan Kepada Kitab ‘*Aqidah al-Najin*” (Disertasi Sarjana Usuluddin, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2000), 74. Lihat Wan Muhamad Shaghir Abdullah, Zainal Abidin al-Fatani, dalam *Majalah Dakwah*, April, (1991), 16.

¹⁷ Wan Muhamad Shaghir Abdullah, Zainal Abidin al-Fatani, *Majalah Dakwah*, April, (1991), 16. Lihat Ahmad Fathy al-Fatani, *Ulama Besar Dari Patani* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002), 71. Lihat Faizuri Abd. Latif, *Tafsiran Sifat Allah Menurut Pemikiran Tuan Minal Berdasarkan Kitab ‘Aqidah al-Najin* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2020), 29.

¹⁸ Ahmad Fathy al-Fatani, *Ulama Besar Dari Patani* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002), 71.

¹⁹ Ahmad Fathy al-Fatani, *Ulama Besar Dari Patani* (Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2013), 69.

²⁰ Ahmad Fathy al-Fatani, *Ulama Besar Dari Patani* (Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2013), 62.

²¹ Sheikh Ahmad al-Fatani dan Sumbangannya Terhadap Pengembangan Pemikiran Islam di Pulau Jawa, dalam Farid Mat Zain, et al., (eds) *Nadwah Ulama Nusantara III* (Bangi: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006), 244. Lihat Muhammad Rashidi Abdul Wahab, “Kata-Kata Aluan,” dalam *Nafisah al-Faizin*, et al., (Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu, 2016), xiii.

²² Lihat Muhammad Rashidi Abdul Wahab, “Kata-Kata Aluan,” dalam *Nafisah al-Faizin*, et al., (Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu, 2016), xii.

Muhammad Thaiyib bin Mas'ud al-Banjari al-Qadhi (Kedah).²³ Pembelajaran yang dilalui bersama dengan Syaikh Muhammad Thaiyib dikatakan telah sampai sanad kepada dua Imam besar Ahl Sunnah Wa al-Jamaah iaitu Imam Abu Hasan al-Asyari dan Imam Abu Mansur al-Maturidi.²⁴

Tuan Minal juga pernah belajar di Masjid al-Haram dan ketika berada di Mekah beliau sempat menimba ilmu dengan beberapa tokoh ulama Arab dan Patani yang terkenal pada waktu itu, antaranya Syaikh Muhammad bin Sulaiman Hasb Allah al-Makki, Sheikh Wan Ali bin Ishak al-Fatani, Sheikh Abdullah bin Abd al-Rahim al-Fatani dan lain-lain lagi. Beliau juga sempat berguru dengan Sheikh Daud al-Fatani.²⁵

Beliau pernah mendirikan rumah tangga sebanyak 3 kali dan hasil perkahwinan tersebut, beliau mendapat tujuh orang cahaya mata. Hasil daripada perkahwinan pertama dengan Hajjah Maryam, beliau dikurniakan lima anak iaitu Haji Husain (Wak Hj. Hasan), Hajah Aisyah (Tok Ngah Aosyah), Hajah Fatimah (Tok Fatimah), Haji Husin (Pak Lang Husin) dan Haji Daud (Pak Cu Daud). Hajah Mariam dikatakan pernah berkahwin dan mempunyai seorang cahaya mata perempuan yang bernama Hajah Sofaih. Selepas kematian suaminya, beliau telah bertemu jodoh dengan Tuan Minal.²⁶

Dalam kalangan anak-anak beliau, anak sulungnya iaitu Haji Husain adalah yang paling akhir meninggal dunia. Beliau juga dikatakan berkesempatan bersama bapanya berhijrah ke Seberang Perai, Pulau Pinang.²⁷ Haji Husain juga pernah menulis sebuah risalah yang berjudul *Pungutan Kanak-Kanak*, namun tidak diketahui lebih lanjut tentang kandungan risalah tersebut. Manakala anak ketiga beliau (Hajah Fatimah) dikatakan telah berkahwin dengan seorang ulama Patani yang bernama Hj. Abdul Rashid yang turut membuka sebuah pondok di Kampung Bandar yang terletak lima kilometer dari Bandar Patani. Beliau meninggal dunia di atas kapal dalam perjalanan ke Mekah pada tahun 1357H. Manakala, Hajah Fatimah pula meninggal dunia di Mekah pada tahun 1363H.²⁸

Sekembalinya Tuan Minal daripada menuntut ilmu di Tanah al-Haram, beliau meneruskan tugas-tugas dakwah dengan mengajar di Pondok Bendang Daya. Beliau juga pernah ditawarkan jawatan kadi serta beberapa jawatan penting dalam bidang agama di Patani. Penghijrahan Sheikh Zainal Abidin ke Pulau Pinang tidak diketahui dengan tepat bilakan beliau berhijrah ke sana. Namun, Ahmad Fathy al-Fatani dan Hj. Yusuf menganggarkannya berlaku pada dekad 1880-an atau awal dekad 1890-an.²⁹

Namun, faktor penghijrahan Tuan Minal ke Pulau Pinang masih menjadi tanda tanya. Hal ini tidak dapat diketahui oleh pengkaji sejarah mengapa beliau berbuat demikian, sedangkan beliau sangat diperlukan di tempatnya iaitu Patani. Persoalannya mengapakah beliau bertindak berhijrah ke Tanah Melayu?. Teori yang dikemukakan oleh Hj Yusuf mengatakan, keadaan *socio political* yang tidak berkesudahan di Patani dikatakan menjadi satu sebab

²³ Wan Muhamad Shaghir Abdullah, *Tuan Minal al-Fatani, Karangannya Rujukan Ulama Melayu*, dalam Wan Muhamad Shaghir Abdullah, *Ulama Dunia Melayu Yang Diperkenalkan Dalam Utusan Malaysia* (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 2007), 137.

²⁴ Lihat Muhammad Rashidi Abdul Wahab, "Kata-Kata Aluan," dalam *Nafisah al-Faizin*, et al., (Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu, 2016), xii.

²⁵ Mohd Zamberi A. Malik, *Patani Dalam Tamadun Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1994), 137-138.

²⁶ Haji Yusuf al-Haji Mustafa Bandar Patani, *Sejarah Dan Silsilah Keturunan Tuan Minal* (t.tp.: t.p., 1991), 3.

²⁷ Ahmad Fathy al-Fatani, *Ulama Besar Dari Patani* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002), 68.

²⁸ Haji Yusuf al-Haji Mustafa Bandar Patani, *Sejarah Dan Silsilah Keturunan Tuan Minal* (t.tp.: t.p., 1991), 32.

²⁹ Ahmad Fathy al-Fatani, *Ulama Besar Dari Patani* (Kota Baharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2013), 70. Lihat Yusof Haji Mustafa, *Dari Hal Sejarah dan Silsilah Keturunan Tuan Minal (Syeikh Zainal Abidin bin Ahmad)* (Pattani: Naskah Taip, 1991), 32.

sebilangan besar ulama Patani³⁰ termasuklah juga Sheikh Zainal Abidin berhijrah untuk mencari tempat yang lebih aman bagi membolehkan beliau dapat menyebarkan agama Islam. Hal yang sama juga dinyatakan oleh Masyhurah yang berpendapat faktor ketidakpuasan hati orang Melayu Patani terhadap kerajaan Siam yang beragama Buddha yang tidak berlaku adil dan melakukan kezaliman kepada orang Islam menyebabkan berlakunya peperangan dan menjadi punca ramai ulama Patani berhijrah ke serata tempat. Oleh itu, mereka terpaksa meninggalkan negara mereka dan berhijrah ke Timur Tengah atau ke negeri-negeri jiran termasuk Kedah, Kelantan dan Terengganu.³¹

Ketidakpuasan ini ada asasnya kerana amalan pemerintah Bangkok yang meletakkan pegawai-pegawai yang tidak berintegriti, makan rasuah dan tidak cekap di Selatan Thai. Penempatan pegawai ini di selatan Thai sebagai tempat ‘pembuangan’ yang akhirnya mencetuskan perasaan tidak puas hati dalam kalangan orang Melayu Patani.³² Oleh sebab itu, peperangan di Selatan Thai sering kali berlaku misalnya peperangan yang dipimpin oleh Raja Patani pada tahun 1827 dan Raja Sulong pada tahun 1832.³³

Sejarah telah membuktikan peperangan yang berlaku antara Patani dengan Siam tercatat sebanyak 12 kali, pertamanya pada tahun 1563 di mana Patani menyerang Ayuthia, diikuti pada tahun 1603, Siam menyerang Patani buat kali pertama, seterusnya serangan berkali-kali ke atas Patani pada tahun 1632, 1634, 1678 dan pada tahun 1709M sehingga Patani menerima kekalahan pada tahun 1786. Walaupun begitu, Patani terus bangkit menentang Siam pada tahun-tahun berikutnya iaitu pada tahun 1789, 1808, 1832, 1838 dan 1848M.³⁴

Walaupun faktor ketidaktentuan *socio political* di Selatan Thailand dalam situasi yang sentiasa tidak aman, namun keadaan tersebut tidak menghalang Tuan Minal untuk menguruskan Pondok Bendang Daya.³⁵ Malah, Tuan Minal masih mampu menulis dan menghasilkan lima judul kitab dan dua manuskrip yang dikarang oleh beliau telah dikenal pasti. Kitab-kitab tersebut ialah kitab *Kash al-Ghaybiyyat* (1883M), *Kash al-Litham an ‘As’ilah al-‘Anam* (1890M), *‘Aqidah al-Najin* (1890M), *(Faedah) Pada Menyatakan Fidyah Sembahyang dan Puasa atas Mazhab Abi Hanifah* (1904M), *Miftah al-Murid fi ‘ilm al-Tawhid* (1912M), *Irshad al-‘Ibad ‘ila Sabil al-Rashad* (1927M), *Tabassum al-Sharibin* dan *Sembahyang Juma’at dan Tahqiq al-Kalam fi bayan Ibtida’ al-Siyam*.³⁶

Ringkasnya, Tuan Minal mempunyai sejarah perjalanan yang panjang dalam usahanya menuntut ilmu sehinggalah beliau menyambung ilmu pengetahuan di Mekah. Tuan Minal yang sudah pun memiliki ilmu yang mantap setelah berguru dengan ulama-ulama terkenal di Patani telah mengambil peluang sekali lagi untuk mempertajamkan ilmunya di Mekah dan di sana beliau telah berguru dengan ulama-ulama di sana. Biarpun berdepan dengan masalah kekacauan dan ketidaktentuan *social political* di Selatan Patani, namun ia tidak mematahkan

³⁰ Yusof Haji Mustafa, *Dari Hal Sejarah dan Silsilah Keturunan Tuan Minal (Syekh Zainal Abidin bin Ahmad)* (Patani: Naskah Taip, 1991), 32.

³¹ Masyhurah Mohamad Rawi et al., *Institusi Pondok Dalam Sistem Pendidikan Islam Di Malaysia, Proceeding The 7th International Workshop And Conference Of Asean Studies On Islamic And Arabic Education And Civilization (Poltan-Ukm-Polimed)* (2015), 8.

³² Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Perjuangan Melayu Patani 1785-1954* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia), 49-50.

³³ Ahmad Fathy al-Fatani, *Pengantar Sejarah Patani* (Alor Setar: Pustaka Darussalam, 1994), 65.

³⁴ Mohd. Zamberi A. Malek, *Patani dalam Tamadun Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Budaya, 1994), 38.

³⁵ Ahmad Fathy al-Fatani, *Ulama Besar Dari Patani* (Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2013), 64.

³⁶ Wan Muhamad Shaghir Abdullah, ‘Manuskrip Islam Dunia Melayu Ditinjau Dari Pelbagai Peringkat’ dalam *Pengasuh*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan. bil: 553, 24. Lihat *Miftah al-Murid fi ‘ilm al-Tawhid* telah dialih rumikan oleh Noraine Abu dengan diberi judul ‘Kunci Penuntut Ilmu Tauhid’ dan buku ini telah diterbitkan oleh Al-Hidayah House Publisher Batu Cave Selangor. Lihat juga Harapandi Dahr, ‘Pengajaran Kitab Turath Melayu Di Brunei Darussalam’, *AL-Fikra: Jurnal Ilmiah Keislaman* 15.1 (2016), 105.

semangat untuk Tuan Minal terus menyampaikan risalah mulia sebagai penulis dan pendidik, sehingga terhasillah beberapa karya penulisan dalam bidang ilmu-ilmu Islam.

Keistimewaan Kitab ‘Aqidah Al-Najin

Kitab *‘Aqidah al-Najin* merupakan sebuah kitab lama bertulisan Jawi dan telah siap dikarang pada bulan Jamadil Akhir 1308H, bersamaan tahun 1890M. Tujuan kitab ini ditulis sebagaimana yang dinyatakan oleh Tuan Minal adalah untuk menyebarluaskan ilmu akidah, karangan Syeikh Sanusi yang sangat terkenal.³⁷ Kitab *‘Aqidah al-Najin* dikenal pasti sebagai salah satu kitab yang diajar di peringkat pertengahan di beberapa pusat pengajian pondok di Malaysia dan sebaris dengan kitab-kitab Usuluddin terkenal yang lain seperti *Faridat al-Faraid*.³⁸

Kitab ini dianggap sebagai kitab terbesar yang membincangkan soal akidah dalam bahasa Melayu selepas *War al-Zawahir*, karya Syeikh Daud Abdullah al-Fatani dan masih digunakan sebagai rujukan di masjid-masjid, surau-surau dan pondok-pondok seluruh dunia Melayu.³⁹ Kitab *‘Aqidah al-Najin* tersenarai antara kitab Jawi yang paling banyak dipelajari di Malaysia dan tersenarai di kedudukan ke-tujuh dari 26 buah kitab Jawi lama paling popular.⁴⁰ Menurut Ahmad Fathy al-Fatani di antara enam tokoh penulis kitab akidah yang terkenal selain Tuan Minal ialah Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, Syeikh Wan Ahmad bin Wan Mohd Zain al-Fatani, Syeikh Nik Mat Kecik@Syeikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani, Syeikh Nik Dir al-Fatani, Syeikh Abdul Rahman bin Muhamad Ali (Tok Gudang) al-Fatani dan Tengku Mahmud Zuhdi al-Fatani.⁴¹

Kitab ini mempunyai kepelbagaian bahan rujukan yang berkualiti. Pemilihan karya-karya yang berkualiti ini sudah pasti akan menghasilkan sebuah karya yang sangat tinggi nilainya.⁴² Tuan Minal menyebut rujukan utama adalah daripada karya *Umm al-Barahin* dan ia menjadi asas kepada keseluruhan penulisannya.⁴³ Secara tidak langsung pengambilan kitab *Umm al-Barahin* oleh Tuan Minal dalam karyanya ini telah memberi nilai tambah kepada ketinggian kitabnya disebabkan reputasi kitab *Umm al-Barahin* itu sendiri.⁴⁴ Kitab *Umm al-Barahin* bukan sahaja diiktiraf penggunaannya dalam memahami akidah dalam kalangan ulama Nusantara⁴⁵, malah kewibawaan *Umm al-Barahin* turut diiktiraf dalam kalangan pengkaji barat

³⁷ Al-Syeikh Zayn al-‘Abidin Muhammad Al-Fatani, *‘Aqidah al-Najin fi ‘Ilm Usul al-Din* (Fatani: Matba’ah bin Halabi, (t.t), 2.

³⁸ Masyhurah Mohamad Rawi et al., Institusi Pondok Dalam Sistem Pendidikan Islam Di Malaysia, *Proceeding The 7th International Workshop And Conference Of Asean Studies On Islamic And Arabic Education And Civilization (Poltan-UKM-Polimed)* (3 June 2015), 8.

³⁹ Muhammad Rashidi Abdul Wahab, “Kata-Kata Aluan,” dalam *Nafisah al-Faizin*, et al., (Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu, 2016), xiii. Kitab ini adalah sangat popular kerana ia banyak digunakan bagi tujuan pengajian di surau-surau, masjid-masjid atau pejabat-pejabat sehingga wujud keperluan untuk ditukar ejaan ke tulisan Jawi. Lihat; Kamaluddin Ibrahim, “Kata Penerbit,” dalam Kitab *‘Aqidah al-Najin fi ‘Ilm Usul al-Din* (Batu Caves: Al-Hidayah Publication, 2019), ix.

⁴⁰ Syed Salim Syed Shamsuddin, “Pemantapan Pelajar Aliran Syariah di Institusi Pengajian Tinggi Melalui Pengajian Kitab Turath Jawi: Tinjauan Terhadap Perlaksanaan Pengajian Talaqqi di Universiti Sains Islam Malaysia”, *Jurnal Sains Insani* 3 (2018), 30.

⁴¹ Lihat Ahmad Fathy al-Fatani, *Ulama Besar Dari Patani* (Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2013), 66-67.

⁴² Lihat Faizuri Abd. Latif, *Tafsiran Sifat Allah Menurut Pemikiran Tuan Minal*, 63.

⁴³ Lihat Faizuri Abd. Latif, *Tafsiran Sifat Allah Menurut Pemikiran Tuan Minal*, 63. Lihat Wan Suhaimi Wan Abdullah, “Beberapa Aspek Epistemologi al-Sheikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani: Suatu Penelitian Awal terhadap karyanya ‘Aqidah al-Najin Fi ‘Ilm Usuluddin”, *Jurnal AFKAR* 2 (2001), 108.

⁴⁴ Lihat Wan Suhaimi Wan Abdullah, “Beberapa Aspek Epistemologi al-Sheikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani: Suatu Penelitian Awal terhadap karyanya ‘Aqidah al-Najin fi ‘Ilm Usuluddin”, *Jurnal AFKAR* 2 (2001), 108.

⁴⁵ Mudasir Rosder & Tuan Rogayah Raja Omar, *Buku-Buku Aqidah Edisi Jawi: Ulasan dan Penilaian* (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 1997), 88. Lihat Wan Suhaimi Wan Abdullah, *Jurnal AFKAR* 2 (2001), 109. Lihat Faizuri Abd. Latif, *Tafsiran Sifat Allah Menurut Pemikiran Tuan Minal*, 63.

seperti *El Senusi's Begriffsentwicklung d. Mohammedanischen Glaubekennntnisses* yang ditulis dalam bahasa Jerman, *Petit Traite Theologie Musulmane* yang diterjemah oleh Luciani dalam bahasa Perancis, *Philosophie du Sheikh Senousi d'apres Son Aqida es sor'ra* yang diterjemahkan ke dalam bahasa Perancis oleh Delphin dan ramai lagi.⁴⁶

Selain itu, ulama-ulama Islam lain turut membuat terjemahan dan komentar seperti kitab *Tahqiq al-Maqam 'ala Kifayah al-'Awam* yang ditulis oleh Syeikh Muhamad Fudali, *Syarh al-Hudhudi 'ala Umm al-Barahin* oleh Muhamad bin Mansur al-Hudhudi, *Tanwir al-Qulub fi Mu'amalah al-'Allam al-Ghuyub* yang dikarang oleh Salamah al-'Azami. Antara tokoh lain yang turut memetik pandangan al-Sanusi di Nusantara seperti kitab *Bidayah al-Hidayah* yang dikarang oleh Muhammad Zayn Faqih Jalaluddin, *Miftah al-Jannah* oleh Sheikh Muhammad Arsyad al-Banjari, *al-Dur al-Thamin* oleh Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani, *Faridah al-Faraid* oleh Sheikh Ahmad al-Fatani dan lain-lain lagi.⁴⁷

Berdasarkan kepada tema ketuhanan, kenabian dan perkara tawasuf terdapat beberapa buah kitab yang dirujuknya. Misalnya dalam tema ketuhanan, Tuan Minal merujuk kitab *Kitab al-Muqtadi bi Syarh al-Hudhudi 'ala Umm al-Barahin al-Musammah bi al-Sughra* yang dikarang oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad Suhaimi al-Husni. Tajuk yang diolah oleh Tuan Minal adalah berkenaan dengan Ilmu Allah SWT dan perbincangan mengenainya terdapat pada halaman 26. Persoalan tentang sifat *Basar* yang terdapat pada halaman 31 Tuan Minal telah memetik pandangan Syeikh Abdullah Al-Syarqawi dalam kitab *al-Syarqawi 'ala al-Hudhudi*. Persoalan tentang *Kalam* Allah SWT beliau memetik pandangan Syeikh al-Ibrahim al-Baijuri dalam *Kitab Tahqiq al-Maqam 'ala Kifayah al-'Awam* pada halaman 33. Pada halaman 49-50, 53, 55, 57 dan 114 kitab *'Aqidah al-Najin* banyak membincangkan mengenai persoalan *tashbih, af'al al-'ibad*, golongan *al-Najihah* dan kitab yang menjadi rujukan beliau ialah kitab *Jawharah al-Tawhid* yang dikarang oleh Sheikh Ibrahim al-Laqani. Manakala, perbincangan mengenai hukum akal pada halaman 9 dan 10 beliau mengambil pandangan daripada kitab *al-Syarqawi 'ala al-Hudhudi* yang dikarang oleh Syeikh Abdullah al-Syarqawi.

Tema kenabian pula beliau banyak memetik daripada kitab *Kitab Sharh al-Maqasid* oleh Sa'd al-Din al-Taftazani yang membincangkan tentang penafian pengutusan Rasul dan kesesatan golongan Brahma yang mencela perbuatan orang Islam ke atas penyembelihan binatang pada halaman 52-53. Dalam tema tasawuf pula, beliau banyak mengambil pandangan Imam al-Ghazali dalam *Kitab al-Arba'in fi Usul al-Din* yang membincangkan perkara-perkara tentang tasawuf pada halaman 51. Kitab *Kanz al-Asrar* yang dikarang oleh al-Sunhaji pula menceritakan tentang bilangan makhluk di bumi dan perkara ini terdapat pada halaman 30.

Setelah membincangkan mengenai pengaruh kitab-kitab lain dalam *'Aqidah al-Najin* diterangkan secara ringkas berkenaan dengan perbezaan karya *'Aqidah al-Najin* berbanding beberapa kitab karangan ulama Nusantara lain yang terkenal seperti kitab *Bidayah al-Hidayah* karangan Syeikh Muhammad Zayn bin Faqih Jalaluddin dan *Siraj al-Huda* karangan Syeikh Muhammad Zainuddin bin Muhammad Badwi al-Sambawi. Secara umumnya kedua-dua kitab tersebut mempunyai persamaan⁴⁸ yang agak ketara dari segi rujukan sebagaimana yang dilakukan oleh Tuan Minal, namun terdapat keistimewaan lain yang membezakan antara dua karya tersebut. Kedua-dua tokoh di atas memetik hujah-hujah daripada al-Qur'an, hadis dan akal yang dibawa oleh tokoh-tokoh tersebut ke dalam kitab mereka. Namun, tidak bagi Tuan Minal di mana beliau turut mengambil bersama pandangan tokoh-tokoh sebagai penguat hujah selain mengambil hujah-hujah daripada al-Quran, hadis dan akal yang terdapat dalam kitab

⁴⁶ H. M Asywadie Syukur, *Pemikiran-Pemikiran Tauhid Syekh Muhammad Sanusi* (Surabaya: PT Bina Ilmu, 1994), iv. Lihat Faizuri Abd. Latif, *Tafsiran Sifat Allah Menurut Pemikiran Tuan Minal*, 64.

⁴⁷ M. Asywadie Syukur, *Pemikiran-Pemikiran Tauhid Syekh Muhammad Sanusi* (Surabaya: Penerbit Bina Ilmu, 1994), iv. Lihat Faizuri Abd. Latif, *Tafsiran Sifat Allah Menurut Pemikiran Tuan Minal*, 64.

⁴⁸ Lihat Zainal Abidin al-Fatani, *'Aqidah al-Najin fi 'Ilm Usul al-Din* (Fatani: Matba'ah bin Halabi, (t.t), 2-3.

mereka.⁴⁹ Biarpun kitab *`Aqidah al-Najin* dan *al-Durr al-Thamin* karangan Syeikh Daud al-Fatani dianggap paling hampir perbahasannya seperti topik hukum akal, hukum belajar ilmu Usuluddin, perbahasan Sifat 20 bagi Allah SWT dan perbahasan tentang Rasul yang meliputi sifat wajib, mustahil dan harus, kelebihan menuntut ilmu, kandungan syahadah seperti perbincangan mengenai perkara-perkara *sam'iyat* seperti Hari Kiamat, malaikat dan hari akhirat serta perbahasan tasawuf. Apa yang istimewanya berbanding dengan Syeikh Daud al-Fatani ialah dari aspek perbahasannya sahaja. Dalam hal ini, Tuan Minal sendiri telah menyatakan sumber-sumber rujukan yang diambil berbanding dengan penulisan Syeikh Daud al-Fatani yang tidak menyatakan sumber-sumber rujukan yang diperolehinya.

Ringkasnya, jika disoroti tentang aspek sumber rujukan sudah tentulah kitab *`Aqidah al-Najin* dan beberapa kitab ulama Nusantara yang lain tidak boleh terpisah dengan pengaruh kitab-kitab Arab yang terkenal. Seolah-olah jika tidak membawa masuk pandangan mereka menampakkan suatu kekurangan. Hakikat ini menggambarkan bahawa ulama-ulama Nusantara dahulu telah berusaha mendapatkan rujukan yang berautoriti dan sahih agar yang dihasilkannya itu berkualiti. Namun, di sebalik persamaan itu terdapat ciri-ciri keistimewaan lain dalam kitab *`Aqidah al-Najin* misalnya dalam aspek integriti seorang penulis yang mendedahkan sumber yang dituliskannya dan meraikan pandangan tokoh seperti mengambil juga pendirian tokoh-tokoh lain selain menceduk dalil-dalil dan hujah. Hal ini mengukuhkan lagi kewibawaan Tuan Minal sebagai seorang penulis yang benar-benar jujur dan amanah dalam menyampaikan ilmu kepada masyarakat.

Berdasarkan kepada sumber rujukan yang digunakan oleh Tuan Minal menunjukkan bahawa beliau seorang yang sangat teliti dalam memilih kitab-kitab yang terkenal dan muktabar. Sumber rujukan yang hampir sama juga pernah digunakan oleh Sheikh Daud al-Fatani dalam kitabnya *al-Durr al-Thamin* dan perkara yang sama turut digunakan oleh Tuan Minal.⁵⁰ Namun, kitab *al-Durr al-Thamin* ini tidak menceritakan tentang sumber terjemahannya sebaliknya perkara tersebut dinyatakan oleh Tuan Minal. Beliau dengan jelas memaklumkan bahawa sumber yang dituliskannya itu merupakan adaptasi dan komentar yang diambil daripada kitab *Umm al-Barahin* karangan Imam al-Sanusi.⁵¹ Selain itu, beliau turut menyebut nama-nama tokoh yang diambil sumbernya.

Kitab yang menjadi rujukan penulis untuk dianalisis ini ialah versi cetakan yang keempat, Matbaah bin Halabi, Fatani mengandungi 140 halaman. Kitab *`Aqidah al-Najin* merupakan sebuah karya usuluddin yang selesai dikarang pada tahun 1308H/1890M. Karya ini merupakan terjemahan daripada kitab *Muqaddimah* atau *Matn al-Sanusiyah* karangan al-Sanusi yang turut diiringi dengan penjelasan dan pengolahan yang panjang lebar oleh pengarangnya.⁵² Pemikiran Tuan Minal dalam kitab ini memberi penekanan kepada empat konsep akidah. Empat perkara tersebut ialah akidah ketuhanan, kenabian, perkara ghaib dan tasawuf.

Keistimewaan Kitab *`Aqidah al-Najin* dalam Pendefinisian

⁴⁹ Pendekatan yang sama ini juga turut dikenal pasti digunakan oleh Syeikh Daud al-Fatani iaitu turut memuatkan pandangan-pandangan mereka selain mengambil dalil al-Quran, hadis dan akal. Lihat Faizuri Abd. Latif, *Tafsiran Sifat Allah Menurut Pemikiran Tuan Minal*, 66. Pandangan 'Ali al-Sabuni yang menyatakan sumber al-Quran, hadis dan akal sangat penting dalam Islam dan tidak boleh dipertikaikan akan kepentingannya. Lihat Muhammad 'Ali al-Sabuni, *Safwah al-Tafasir*, 1 (Mansurah: Maktabah al-Iman, t. th.) 19.

⁵⁰ Lihat Faizuri Abd. Latif, *Tafsiran Sifat Allah Menurut Pemikiran Tuan Minal*, 66.

⁵¹ Lihat Faizuri Abd. Latif, *Tafsiran Sifat Allah Menurut Pemikiran Tuan Minal*, 67.

⁵² Rujukan kitab yang hampir sama dengan Tuan Minal ini terdiri daripada pengarang yang sama seperti Syeikh Ibrahim al-Bajuri, Syeikh al-Hudhudi, Syeikh Ibrahim al-Laqqani, Syeikh Ahmad bin Muhammad al-Suhaimi al-Husni. Lihat Faizuri Abd. Latif, *Tafsiran Sifat Allah Menurut Pemikiran Tuan Minal*, 66.

Karya ini mempunyai beberapa keistimewaan, khususnya apabila diteliti wacana ketuhanan yang terdapat dalamnya. Untuk itu, penulisan ini akan menonjolkan aspek ketuhanan sebagai bukti utama keistimewaan karya ini. Sebelum menyentuh tentang wacana ketuhanan, kebanyakan ulama-ulama Melayu memulakan bicara perbahasan dengan mendatangkan maksud ilmu Tauhid itu sendiri. Aspek ini juga menjadi ciri yang istimewa dalam karya ini.

Syeikh `Abdul Qadir al-Mandili mendefiniskan tauhid dengan menyebut;

“Mengi`tiqadkan ketunggalan Allah itu ialah permulaan seruan sekalian Rasul”⁵³

Menurut Syeikh `Abdul Qadir, sumber penting yang menjadi dalil ini adalah diambil daripada al-Quran dan hadis.⁵⁴ Dalam hal ini, Syeikh `Abdul Qadir membahagikan tauhid itu kepada tiga bahagian iaitu *Tawhid al-Rububiyah*, *Tawhid al-Uluhiyyah* dan *Tawhid al-Asma' wa al-Sifat*. Ketiga-tiga pembahagian tersebut dinyatakan oleh beliau dengan panjang lebar sekali.⁵⁵

Walau bagaimanapun, jika diteliti pemaknaan ilmu Tauhid yang dibuat oleh Syeikh `Abdul Qadir hanya memberi tumpuan kepada wacana ketuhanan dan kenabian sahaja. Namun, hal yang berkaitan dengan perkara ghaib tidak dipinggirkan oleh Syeikh `Abdul Qadir kerana beliau beranggapan tugas para rasul adalah menyampaikan segala suruhan Allah SWT termasuklah beriman kepada hari kebangkitan. Ringkasnya, pemaknaan maksud tauhid yang disebut oleh Syeikh `Abdul Qadir adalah terlalu ringkas sehingga menampakkan ia seolah-olah tidak memasukkan perkara ghaib secara khusus dalam pendefinisan tersebut kerana beranggapan tugas rasul adalah untuk menyampaikan perkara-perkara *sam'iyat* juga.⁵⁶

Selain itu, Syeikh Ismail bin `Abdul Qadir al-Fatani juga tidak terkecuali memulakan penulisannya dengan mendatangkan pengertian makna tauhid pada awal perbahasannya. Namun, Syeikh Ismail agak berbeza dengan cara pengertian itu diolah di mana beliau menjelaskan pengertian tauhid ini boleh dihayati dalam kalimah *la ila haillallah*. Beliau mendefinisikannya sebagai:

“Makna kalimah ini (Allah Ta'ala jualah Tuhan. Dan erti) kalimah Muhammad Rasul Allah itu, bermula Nabi Muhammad) anak Abdullah (itu) satu (pesuruh) daripada pesuruh-pesuruh (Allah. Dan maknanya) ertinya makna ini kalimah (Nabi Muhammad itu) satu utusan daripada utusan-utusan Allah, iaitu satu (orang yang Allah Ta'ala suruhkan dia) dengan (bahawa memberitahukan kita) sekalian umat (akan perkara yang dituntut daripada kita) membuatnya (dan

⁵³ Syeikh `Abdul Qadir bin `Abdul Mutalib al-Indonesia al-Mandili, *Perisai Bagi Sekalian Mukallaf atau Simpulan Iman Atas Mazhab Salaf* (Patani: Matba'ah bin Halabi, T. Th.), 5. Lihat Syeikh `Abdul Qadir bin `Abdul Mutalib al-Indonesia al-Mandili, *Perisai Bagi Sekalian Mukallaf atau Simpulan Iman Atas Mazhab Salaf* (Batu Caves Selangor: Al-Hidayah Publications, 2013), 19.

⁵⁴ Surah al-`A`raf: 59, surah al-Anbiya': 25 dan hadis Nabi yang diambilnya daripada *Ashabul Kutub Sittah* yang bermaksud: “Disuruh akan daku dengan menerangi manusia hingga menyaksikan mereka itu bahawa tiada yang disembah dengan sebenar melainkan Allah Ta'ala dan bahawasanya aku pesuruh Allah Ta'ala”. Lihat Syeikh `Abdul Qadir bin `Abdul Mutalib al-Indonesia al-Mandili, *Perisai Bagi Sekalian Mukallaf atau Simpulan Iman Atas Mazhab Salaf* (Patani: Matba'ah Bin Halabi, T. Th.), 5.

⁵⁵ Surah al-`A`raf: 59, surah Al-Anbiya': 25 dan hadis Nabi yang diriwayatkan oleh *Ashabul Kutub al-Sittah* dan merupakan hadis Mutawatir. Lihat Syeikh `Abdul Qadir bin `Abdul Mutalib al-Indonesia al-Mandili, *Perisai Bagi Sekalian Mukallaf atau Simpulan Iman Atas Mazhab Salaf* (Batu Caves Selangor: Al-Hidayah Publications, 2013), 20.

⁵⁶ Lihat Syeikh `Abdul Qadir bin `Abdul Mutalib al-Indonesia al-Mandili, *Perisai Bagi Sekalian Mukallaf atau Simpulan Iman Atas Mazhab Salaf* (Patani: Matba'ah bin Halabi, T. Th.), 41.

yang ditegahkan kita) daripada membuatnya (dan yang dibiarkan kita) pada membuatnya dan meninggalkannya”.⁵⁷

Berpandukan kepada keterangan di atas, Syeikh Ismail mendefinisi makna tauhid sebagai satu kepercayaan tentang wujudnya Allah SWT sebagai Tuhan yang Maha Esa. Perkaitan Allah SWT dengan Muhammad Rasulullah adalah sangat rapat kerana Nabi Muhammad SAW itu ialah pesuruh Allah SWT dan Bagindalah yang menjadi pengutus suruhan Allah SWT yang bertanggungjawab menyampaikan perkara-perkara yang perlu dilakukan dan ditegah. Pemaknaan tauhid yang diungkapkan oleh Syeikh Ismail al-Fatani sudah pun meliputi tiga perkara penting yang terkandung dalam ilmu Tauhid, namun penjelasannya itu diambil daripada kalimah syahadah dan dinyatakan sekali dengan penghuraian. Hal yang sama juga turut dinyatakan oleh al-Thahawi yang menjelaskan pengungkapan yang terkandung dalam kalimah *la ilaha illallah* merupakan kalimah yang terkandung dalamnya kepercayaan yang teguh terhadap Allah SWT.⁵⁸

Syeikh Ahmad bin Muhammad Zayn dalam kitab *Faridat al-Fara'id fi 'ilm al-'Aqa'id* telah mendefinisikan ilmu Tauhid sebagai:

“(Bermula ilmu tauhid itu) ibarat daripada perhimpunan barang yang di'*tiqad*kan yang dibangsakan kepada agama yang diambilkan daripada dalilnya yang diyakinikan (dan bicara) ilmu ini pada *dhat* Allah SWT daripada sekira-kira barang yang wajib bagi-Nya dan barang yang mustahil atas-Nya dan barang yang harus bagi-Nya dan pada segala Rasul demikian jua dan pada segala barang yang didatangkan dia oleh Rasul seperti Hari Kiamat dan lainnya (dan faedah) ilmu ini dapat kemenangan dan beruntung oleh yang mengetahuinya selama-lama”.⁵⁹

Pendefinisian yang dibuat oleh Syeikh Ahmad itu dimulakan dengan menyebut perkataan ilmu pada awal pendefinisiannya. Hal ini berbeza dengan apa yang disebut oleh kedua-dua tokoh di atas. Syeikh Ahmad menjelaskan ilmu Tauhid sebagai ilmu yang membahaskan tentang akidah ketuhanan di mana dalil yang digunakan mesti bersumberkan kepada dalil yang menyakinkan. Dinyatakan juga tentang wacana kenabian yang menjadi salah satu elemen penting dalam perbincangan ilmu Tauhid. Beriman dengan nabi juga memberi erti bahawa wajib beriman bahawa Nabi Muhammad SAW itu bersifat dengan perkara-perkara wajib, mustahil dan harus. Sehubungan itu, apa-apa yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW yang berkaitan dengan perkara-perkara ghaib wajib dipercayai dengan sepenuh keimanan. Penggunaan perkataan 'Hari Kiamat' jelas disebut oleh Syeikh Ahmad bagi menunjukkan perkara-perkara *sam'iyat*. Penggunaan perkataan ini turut digunakan oleh Syeikh Haji Nik Abdullah Ahmad al-Jambuwi⁶⁰ dalam kitab yang bertajuk '*Pati Faridat al-*

⁵⁷ Syeikh Ismail bin Abdul Qadir al-Fatani, *Bakurah al-Amani* (Batu Caves Selangor: Al-Hidayah Publications, 2018), 4. Lihat Syeikh Ismail bin Abdul Qadir al-Fatani, *Bakurah Al-Amani* (Patani: Matba'ah bin Halabi, T. Th.), 3-4.

⁵⁸ Abu Jaafar al Masri al-Thahawi, *al-'Aqidah al-Thahawiyyah*, cetakan 1 (Kaherah: Dar al-Ghid al-Jadid, 2009), 21.

⁵⁹ Ahmad bin Muhammad Zayn, *Faridat al-Fara'id fi 'ilm al-'Aqa'id* (Pulau Pinang: Maktabah Wa Matba'ah Dar al-Ma'arif, 1313H), 3. Lihat Ibrahim Abu Bakar, *Usuluddin Dalam Karya Arab dan Melayu Klasik* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2016), 23. Lihat Alih tulisan Jawi ke Rumi, *Faridat al-Fara'id fi 'ilm al-'Aqa'id* (*Permata Yang Bernilai Dalam Membicarakan Ilmu 'Akidah*) Ibnu Muhammad Zayn bin Mustafa Al-Fatani (Batu Caves Selangor: Al-Hidayah Publications, 2018), 10.

⁶⁰ Pengkaji sejarah mendapati bahawa Haji Nik Abdullah Ahmad al-Jambuwi mengakui bahawa pengarang kitab *Faridat al-Fara'id fi 'ilm al-'Aqa'id* adalah bapanya di mana pengkaji sejarah menyandarkan perkataan yang ditulis oleh beliau yang berbunyi 'orang tua hamba yang sangat alim' dalam petikan tersebut adalah merujuk kepada maksud bapanya. Sandaran ini ada asasnya kerana jika nama Mat atau Ahmad itu merujuk

Faraid. Secara ringkasnya, definisi yang dinyatakan oleh syeikh Ahmad didapati lebih mendalam dan menyeluruh berbanding dengan ulama-ulama di atas.

Di bawah ini dibahaskan berkenaan dengan keistimewaan pendefinisian Tuan Minal berbanding ulama Melayu lain. Tuan Minal pula mendefinisikan ilmu Tauhid sebagai;

“Ilmu yang dibahaskan padanya daripada *isbatkan* ‘*aqā’id* yang dibangsakan kepada agama yang diambilkan daripada dalil yang menyakinkan”.

“(Dan) tempat hantarnya itu *dhat* Allah SWT dan *dhat* segala Rasul-Nya daripada sekira-kira barang yang wajib dan barang yang mustahil dan barang yang harus dan dihantarkan atas *mumkin* daripada sekira-kira bahawasanya hendak mengambil dalil dengan dia atas wujud *sani*’ (ikut perintah) yakni Tuhan yang berbuat dia dan dihantarkan dia atas *sam’iyyat* ertinya segala perkara yang didengar daripada nabi daripada sekira-kira *i’tiqadnya*’.⁶¹

Bagi menjelaskan maksud *sam’iyyat* Tuan Minal turut memberikan penjelasan makna itu dengan menyebut;

“Segala perkara yang didengar daripada nabi daripada sekira-kira *i’tiqadnya*”.⁶²

Syeikh Ahmad juga turut mendefinisikan makna ilmu Tauhid yang juga hampir menyerupai dengan apa yang didefinisikan oleh Tuan Minal, namun Syeikh Ahmad meletakkan perkataan ‘Hari Kiamat’ bagi menunjukkan perkara-perkara ghaib. Maka, timbul persoalan di sini ialah adakah penggunaan perkataan ‘Hari Kiamat’ yang dikemukakan oleh Syeikh Ahmad itu lebih tepat bagi menggambarkan tentang perkara ghaib berbanding dengan kalimah *sam’iyyat*?. Perkataan Hari Kiamat bererti masa sesudah berakhirnya kehidupan di dunia yang ada sekarang ini.⁶³ Ia disebut juga sebagai hari akhir zaman iaitu apabila seluruh alam musnah dan tiada seorangpun yang tahu.⁶⁴ Imam al-Ghazali menyebut Hari Kiamat sebagai suatu kemusnahan alam yang amat dahsyat di mana keadaan langit berpecah belah, bintang-bintang jatuh berguguran, matahari telah digulungkan sehingga keadaan manusia dan binatang pada masa tersebut berada dalam keadaan yang sangat panik. Keadaan manusia pada masa tersebut seperti belalang yang berterbangan. Kehancuran gunung-ganang seumpama bulu yang dihembus, malah keadaan ibu-ibu yang sedang menyusukan anakpun boleh terlupa akan anak

kepada seorang yang alim dan pengarang yang bernama Ahmad bin Muhammad Zayn bin Mustafa bin Ahmad al-Fatani maka dapatlah disandarkan bahawa ia merupakan anak kepada pengarang kitab akidah terkenal tersebut. Lihat Ibrahim Abu Bakar (Penyelenggara), *Faraidat al-Faraid fi `ilm al-Aqa'id* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), xiv. Namun, sejauh manakah benarnya Haji Nik Abdullah Ahmad al-Jambuwi ini benar-benar anak kepada Syeikh Ahmad cuba dinafikan oleh Wan Mohd Shaghir yang berpendapat anaknya yang bernama Haji Wan Ismail telah membuang kitab-kitab peninggalan Syeikh Ahmad ke Sungai Jambu, maka hilanglah ilmu pengetahuan dan dokumen sejarah yang sangat penting. Kenyataan ini menurut penulis tidak menunjukkan bahawa Haji Nik Abdullah Ahmad adalah anaknya. Lihat Wan Mohd Shaghir, *Al-‘Allamah Syeikh Ahmad al Fatani Ahli Fikir Islam dan Dunia Melayu: Guru kepada Hampir Semua Ulama dan Tokoh Asia Tenggara Abad ke 19-20, jilid I* (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyyah, 1992), 5. Tulisan Ismail Che Daud menyatakan Syeikh Ahmad hanya mempunyai anak seramai tiga orang sahaja iaitu Haji Wan Ismail Qadhi, Hajah Wan Fatimah dan Hajah Wan Zainab. Lihat Ismail Che Daud, “Tok Guru Wan Ahmad Patani (1856-1908)”, dalam *Tokoh-Tokoh Ulama’ Semenanjung Melayu (I)* (Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1988), 74. Oleh itu, pengertian “orang tua hamba” sebagaimana yang dimaksudkan oleh Haji Nik Abdullah adalah satu perlambangan rasa hormat dan sanjungan tinggi kepada orang yang alim oleh muridnya. Lihat Ibrahim Abu Bakar, (2007), xv.

⁶¹ Lihat *`Aqidah al-Najin*, 5.

⁶² Lihat *`Aqidah al-Najin*, 5.

⁶³ Lihat *Kamus Dewan*, Edisi Keempat (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 2010), 5151. Entri “hari” .

⁶⁴ Lihat *Kamus Dewan*, Edisi Keempat (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 2010), 785. Entri “Kiamat”

yang disusukannya.⁶⁵ Dalam hal ini, Imam al-Ghazali menjelaskan pengertian Hari Kiamat sebagai suatu hari kemusnahan yang memperlihatkan keadaan yang cukup dahsyat dan sangat menakutkan dan ini menjadi permulaan kepada tanda berakhirnya kehidupan manusia di muka bumi.

Perkataan *sam'iyat* adalah merujuk kepada perkara luar jangka pancaindera manusia di mana ia tidak boleh dikesan atau ditemui oleh manusia, malah ini tidak ada suatu jalan pun yang dapat mengetahuinya melainkan dengan jalan yang *qat'ie*.⁶⁶ Perkataan *al-Sam'iyat* itu bererti perkara-perkara yang hanya dapat diketahui hanya melalui nas-nas agama.⁶⁷ Dinamakan dengan *sam'iyat* ialah kerana semua jalan untuk mengetahuinya hanyalah melalui perkhabaran yang disampaikan oleh al-Quran dan al-Sunnah. Akal manusia dalam hal ini tidak mungkin dipergunakan kerana pengetahuan yang akan sampai kepada manusia hanyalah melalui cara *al-sima'* atau pendengaran.⁶⁸ Memperakukan kebenaran tentang perkara-perkara yang tidak nampak dan tidak boleh dicapai oleh pancaindera adalah seperti hal kebangkitan, syurga, neraka, *al-Sirat*, hisab dan perkara-perkara lain yang diberitahu oleh al-Quran dan Nabi Muhammad SAW.⁶⁹ Hal ini turut dijelaskan oleh Sayyid Sabiq dengan menjelaskan bahawa perkara *al-Sam'iyat* itu sendiri tidak dapat diketahui melainkan melalui perkhabaran daripada Allah SWT dan Rasulullah SAW dan perbincangan mengenainya adalah sangat meluas seperti tentang kejadian alam, hakikat roh, kematian dan peristiwa lain yang berkaitan dengannya seperti azab kubur, kebangkitan semula, titian sirat, syurga, neraka dan lain-lain.⁷⁰ Al-Jawhari turut menggunakan perkataan *sam'iyat* dalam pengertian ilmu Tauhid sebagai suatu ilmu yang membicarakan tentang ketuhanan dan kerasulan yang membahaskan tentang perkara yang wajib, mustahil, harus serta perkara-perkara *sam'iyat* yang diberitahu oleh Nabi SAW.⁷¹ Perihal tentang beriman dengan perkara-perkara ghaib juga turut dinyatakan oleh al-Qaradawi seperti keimanan terhadap Hari Kebangkitan, kubur, Padang Mahsyar, hisab, balasan dosa dan pahala, ganjaran syurga dan neraka serta lain-lain perkara.⁷²

Oleh yang demikian, salah satu sifat yang perlu ada bagi orang-orang yang beriman dan bertaqwa adalah menyakini tentang perkara-perkara ghaib atau *sam'iyat*.⁷³ Melalui ketakwaan ini ia menjadi perlambangan kukuh akan cintanya terhadap Pencipta di mana jiwanya itu akan sentiasa berkobar-kobar untuk melaksanakan segala suruhan-Nya.⁷⁴ Ringkasnya, apabila ditinjau berdasarkan kepada pandangan al-Ghazali mengenai Hari Kiamat ia hanya merujuk kepada suatu keadaan yang disifatkan sebagai hari kemusnahan yang amat dahsyat ke atas alam ini. Pemilihan maksud ini tidak pula menggambarkan tentang perkara-perkara *sam'iyat* yang lain.

⁶⁵ Abu Hamid al-Ghazali, *Ihya' Ulum al-Din*, Hazzabahu 'Abdu al-Salam Harun (Kaherah: Dar al-Tawzi' Wa al-Nashr al-Islamiyyah, 1997), 534. Lihat *Ihya' Ulum al-Din*, Terjemahan Ismail Yakub, jilid 8 (Jakarta: Wisma DPR, 1980), 432.

⁶⁶ Syeikh Muhammad Hasan Ayyub, *Tabsit al-'Aqid al-Islamiyyah* (Kuwait: Maktabah al-Thaqafah al-Arabiyyah, 1971), 154. Lihat Muhammad Said Ramadan al-Buti, *Kubra Yaqiniyyat al-Kawniyyah* (Damsyik: Dar al-Fikr, 1420H), 301.

⁶⁷ Lihat *Istilah Usuluddin dan Falsafah Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), 136.

⁶⁸ Syeikh Muhammad Hasan Ayyub, *Tabsit al-'Aqid al-Islamiyyah* (Kuwait: Maktabah al-Thaqafah al-Arabiyyah, 1971), 154.

⁶⁹ Syeikh Muhammad Ali al-Sabuni, *Safwah al-Tafasir*, 3 (Beirut: Dar al-Qur'an al-Karim, 1981), 31-32.

⁷⁰ Lihat Sayyid Sabiq, *al-'Aqā'id Islamiyyah* (Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabi, T. Th.), 237.

⁷¹ Al-Jawhari, Muhammad Rabi' Muhammad, *'Aqidatuna* (Kaherah: T. Tp., 1998), 20. Lihat Mohd Haidhar Kamarzaman, et al., *Citra Usuluddin dan Falsafah*, Peny. Ahmad Sunawari Long & Zul'Azmi Yaakob (Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah UKM, 2015), 9.

⁷² Al-Qaradawi, Yusuf, *al-Sunnah Masdar al-Ma'rifah wa al-Hadharah* (Kaherah: Dar al-Shuruq, 1997), 94-95.

⁷³ Lihat al-Qur'an, Surah al-Baqarah, 2: 3 dan lihat Surah al-Hujurat, 49:13.

⁷⁴ Lihat 'Abd al-Rahman Hanbaqah al-Maydani, *al-'Aqidah Islamiyyah wa 'Ususuha*, 2 (Damsyik: Dar al-Kalam, 1966), 29-31.

Walaupun ada sarjana yang mengatakan Syeikh Ahmad tidak menggunakan perkataan *sam'iyat* dalam definisinya kerana perkataan 'Hari Kiamat' itu sudah pun merujuk kepada perkara ghaib.⁷⁵ Namun, bagi pandangan penulis penggunaan kalimah *sam'iyat* adalah yang paling tepat bagi menggambarkan keseluruhan perkara yang melibatkan perkara-perkara ghaib sebagaimana yang dinyatakan oleh beberapa tokoh di atas. Hal ini kerana pemilihan perkataan *sam'iyat* dalam pengertian ilmu Tauhid adalah dianggap paling bertepatan dalam menyempurnakan pengertian ilmu Tauhid kerana di dalam perbincangan ilmu Tauhid seharusnya mengandungi persoalan *uluhiyyat*, *nubuwwah* dan *sam'iyat*. Oleh itu, penggunaan perkataan Hari Kiamat ini hanyalah menjadi sebahagian kecil daripada perkara yang terkandung dalam perkara-perkara ghaib. Oleh itu, pemilihan perkataan *sam'iyat* oleh Tuan Minal dilihat agak teliti berbanding apa yang disebutkan oleh Syeikh Ahmad.

Keistimewaan kitab *'Aqidah al-Najin* dalam membahaskan tentang *Mabadi 'Ilm Tawhid* Selain menampakkan betapa istimewanya pemikiran Tuan Minal dalam mencernakan makna ilmu Tauhid berbanding dengan beberapa tokoh ulama Nusantara yang lain, terdapat sebahagian besar tokoh-tokoh ulama Nusantara turut membincangkan mengenai *Mabadi 'Ilm Tawhid*. Syeikh `Abd Ghani dan `Umar Yusuf dalam kitab *Risalah al-Tawhid* menyifatkan ia sebagai satu perkara yang penting bagi menerangkan apakah tujuan sebenar seseorang itu belajar ilmu Tauhid. Beliau menyebutnya sebagai 'Seri Pembukaan' atau 'Anggaran Dasar'.⁷⁶ Dalam *Mabadi 'ilm Tawhid* terdapat sepuluh perkara yang menjadi persoalan pokok iaitu nama ilmu ini,⁷⁷ tempatambilnya,⁷⁸ kandungannya,⁷⁹ tempat bahasannya,⁸⁰ faedah ilmu ini,⁸¹ nisbah ilmu ini,⁸² yang menghantarkan,⁸³ hukumnya,⁸⁴ kelebihanannya⁸⁵ dan kesudahan ilmu ini.⁸⁶

⁷⁵ Lihat Ibrahim Abu Bakar, *Usuluddin Dalam Karya Arab dan Melayu Klasik* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2016), 24. Lihat Maydani, 'Abd. Rahman Hasan al-Habannakah, *Al-'Aqidah al-Islamiyyah wa Ususuha* (Damsyik: Dar al-Kalam, 2002), 136.

⁷⁶ Lihat Syeikh `Umar Yusuf, *Risalah al-Tawhid* (Selangor: Al-Hidayah Publication, 2018), 5.

⁷⁷ Dinamakan ilmu Tauhid, ilmu Kalam, ilmu Usuluddin, ilmu Sifat, ilmu 'Aqa'id dan al-Iman. Lihat Syeikh `Umar Yusuf, *Risalah al-Tawhid* (Selangor: Al-Hidayah Publication, 2018), 5.

⁷⁸ Diterbitkan (diambil) daripada Quran dan hadis. Lihat Syeikh `Umar Yusuf, *Risalah al-Tawhid* (Selangor: Al-Hidayah Publication, 2018), 5.

⁷⁹ Mengandungi pengetahuan daripada hal membahaskan ketetapan pegangan, kepercayaan kepada Tuhan dan kepada Rasul-rasul-Nya daripada beberapa simpulan atau ikatan kepercayaan dengan segala dalil-dalil supaya diperolehi *i'tiqad* yang yakin, kepercayaan yang putus sekira-kira menaikkan perasaan bekerja dan beramal menurut bagaimanakah kepercayaan itu. Lihat Syeikh `Umar Yusuf, *Risalah al-Tawhid* (Selangor: Al-Hidayah Publication, 2018), 6.

⁸⁰ Pertama, pada *dhat* Allah Ta'ala dari segi sifat-sifat yang wajib bagi-Nya, sifat-sifat yang mustahil atas-Nya, dan sifat yang harus pada-Nya, kedua, pada *dhat* Rasul-rasul dari segi sifat-sifat yang wajib baginya, sifat-sifat yang mustahil atasnya dan sifat yang harus padanya. Lihat Syeikh `Umar Yusuf, *Risalah al-Tawhid* (Selangor: Al-Hidayah Publication, 2018), 6.

⁸¹ Dapat mengenal Tuhan dan percayakan Rasul dan mendapat kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat yang kekal. Lihat Syeikh `Umar Yusuf, *Risalah al-Tawhid* (Selangor: Al-Hidayah Publication, 2018), 6.

⁸² Ilmu yang terbangsa kepada agama Islam yang paling utama sekali. Lihat Syeikh `Umar Yusuf, *Risalah al-Tawhid* (Selangor: Al-Hidayah Publication, 2018), 6.

⁸³ Abu al-Hasan al-'Asy'ari dan Abu Mansur al-Maturidi, tetapi mereka yang pertama sekali menerimanya ialah Nabi Adam AS dan yang terakhir sekali ialah Sayyidina Muhammad SAW. Lihat Syeikh `Umar Yusuf, *Risalah al-Tawhid* (Selangor: Al-Hidayah Publication, 2018), 7.

⁸⁴ Iaitu fardu 'ain atas tiap-tiap orang yang mukallaf lelaki dan perempuan mengetahui sifat-sifat Tuhan dengan jalan '*ijmal*' (ringkasan atau rangkum) dan dengan jalan '*tafsil*' (huraian atau satu persatu) berserta dengan dalil '*ijmal*'. Adapun mengetahui dalil '*tafsil*' itu fardu kifayah. Lihat Syeikh `Umar Yusuf, *Risalah al-Tawhid* (Selangor: Al-Hidayah Publication, 2018), 7.

⁸⁵ Iaitu semulia-mulia dan setinggi-tinggi ilmu daripada ilmu-ilmu yang lain. Lihat Syeikh `Umar Yusuf, *Risalah al-Tawhid* (Selangor: Al-Hidayah Publication, 2018), 7.

⁸⁶ Iaitu dapat membezakan antara '*aqaid*' dan kepercayaan yang sah dengan yang *batil*. Lihat Syeikh `Umar Yusuf, *Risalah al-Tawhid* (Selangor: Al-Hidayah Publication, 2018), 8.

Syeikh Ahmad juga turut menyebut:

“Dan bicara ilmu ini pada *dhat* Allah SWT daripada sekira-kira barang yang wajib bagi-Nya dan barang yang mustahil atas-Nya dan barang yang harus bagi-Nya dan pada segala Rasul demikian jua dan pada segala barang yang di datangkan dia oleh Rasul...”

Dan faedah ilmu ini dapat kemenangan dan beruntung oleh yang mengetahuinya selama-lama”.⁸⁷

Berdasarkan kepada kenyataan tersebut, beliau telah mengemukakan dua *Mabadi`Ilm Tawhid* iaitu pokok perbahasan ilmu Tauhid dan faedah mempelajarinya. Jika dibuat perbandingan dengan apa yang dikemukakan oleh Syeikh `Abd Ghani dan `Umar Yusuf dan Syeikh Ahmad menampakkan perbahasan yang dibuat oleh Syeikh `Abd Ghani dan `Umar Yusuf adalah lebih menyeluruh berbanding Syeikh Ahmad.

Tuan Minal turut menjelaskan bahawa apabila seseorang itu benar-benar ikhlas dalam belajar ilmu Tauhid hendaklah mengetahui tentang ‘Muqadimah Ilmu’ ini dan beliau telah menyenaraikan sepuluh perkara dalam *mabadi* tersebut iaitu had ilmu, tempat hantaran, faedahnya, kelebihan, nisbahnya, orang yang menghantarkan dia, namanya, tempat ambilnya, hukum *syara`* dan masalah.⁸⁸

Perbahasan tentang 10 *mabadi* yang dikemukakan oleh Tuan Minal ini dimulakan dengan memperkenalkan konsep ilmu Tauhid terlebih dahulu. Dalam konsep ini terdapat dua perkara penting yang diberi perhatian oleh Tuan Minal iaitu aspek pentakrifan ilmu Tauhid dan intipati yang terkandung dalam dalamnya. Antara intipati ilmu Tauhid yang dinyatakan oleh Tuan Minal adalah berkenaan dengan persoalan mengisbatkan *dhat* Allah SWT yang tidak menyerupai dengan segala bentuk *dhat* yang baharu.

Mabadi kedua adalah menjelaskan tentang topik ilmu Tauhid dan dalam hal ini Tuan Minal menamakannya sebagai ‘tempat hantarannya’. Topik yang perlu difahami oleh para pelajar ialah mengenai persoalan *dhat* Allah SWT dan *dhat* Rasul-Nya yang meliputi perkara wajib, mustahil dan harus serta perkara-perkara *sam`iyyat*. Daripada hal yang berkaitan dengan topik tersebut, baharulah Tuan Minal membincangkan akan faedah-faedah yang akan diperolehi dalam *mabadi* yang ketiga. Dalam hal ini, Syeikh Ahmad menyatakan ‘faedah’ mempelajari ilmu Tauhid hanya dijelaskan maksudnya sebagai ‘akan dapat memperolehi kemenangan daripadanya’. Walau bagaimanapun, penjelasan maksud ‘faedah’ yang disebut oleh Tuan Minal dianggap lebih mendalam kerana beliau menyatakan, ‘faedah’ mempelajari ilmu Tauhid itu bukan sekadar dapat mengenal sifat Allah SWT dan Rasul serta perkara ghaib malah akan mencapai *sa`adah* yang berkekalan. Kosa kata ‘*Sa`adah*’ yang dikemukakan oleh Tuan Minal ini memberi erti bahawa akan lahir satu kebahagiaan dalam hidup apabila seseorang itu dapat merasai nikmat keimanan setelah seseorang itu melalui proses belajar yang teliti mengenai sifat-sifat Allah SWT dan Rasul-Nya setelah mencapai dalil-dalil yang *qat`iyyah*. Keupayaan seseorang mendapatkan dalil-dalil yang *qat`iyyah* inilah yang menyebabkan seseorang itu menjadi yakin dengan apa yang dipercayainya. Hal ini dijelaskan oleh Tuan Minal sebagai “(dan faedahnya) itu mengenal segala sifat Allah S.W.T dan sifat segala Rasul-Nya dengan segala *Burhan* yang *qat`iyyah* dan beroleh kemenangan dengan *sa`adah* berkekalan”.⁸⁹ Menurut Tuan Minal, apabila sudah mempelajari topik-topik yang terkandung di dalamnya ia akan dapat mengenal Allah SW. dan Rasul-Nya dengan sebenar-benar yakin sehingga disebutkan akan beroleh kemenangan yang berkekalan. Oleh kerana itu, kosa kata ‘kemenangan’ yang diungkapkan oleh Tuan Minal didatangkan selepas seseorang itu berupaya mendatangkan hujah atau dalil yang *qat`iyyah*.

⁸⁷ Lihat Syeikh Ahmad, 10.

⁸⁸ Syeikh Zainal Abidin al-Fatani, 5.

⁸⁹ Lihat *Aqidah al-Najin*, 5.

Mabadi keempat pula adalah berkenaan dengan kelebihan mempelajari ilmu yang dikira semulia-mulia ilmu berbanding ilmu pengetahuan yang lain.⁹⁰ Kelebihannya itu kerana ia berkait rapat mengenai topik-topik yang terkandung dalam perbincangan *dhat* Allah SWT dan Rasul-Nya dan kedua-dua perbincangan ini dianggap sangat mulia. Menurut Tuan Minal, setinggi-tinggi ilmu ialah apabila seseorang itu dapat mengenali Allah SWT sebagai Tuhan-Nya dan Rasul sebagai Pesuruh-Nya. Hal ini dinyatakan oleh Tuan Minal dengan menyebut:

“(Dan) kelebihan itu bahawasanya terlebih mulia daripada segala ilmu kerana keadaannya bergantung ia dengan *dhat* Allah SWT dan *dhat* Rasul-Nya dan barang yang mengikut ia akan demikian itu dan yang bergantung itu mulia ia dengan sebab mulia tempat yang digantungnya.”⁹¹

Mabadi kelima adalah tentang nisbah ilmu ini kerana ia merupakan usul kepada segala ilmu dan yang lain hanyalah menjadi cabang daripadanya.⁹² Menurut Tuan Minal, “(dan nisbahnya) itu bahawasanya asal segala ilmu dan barang yang lainnya itu *furu'* daripadanya.⁹³ Dalam hal ini Tuan Minal menjelaskan ilmu tauhid menjadi teras kepada lahirnya ilmu-ilmu lain. Berbeza dengan pandangan Syeikh `Abd Ghani dan `Umar Yusuf yang sekadar menjelaskan ilmu tauhid merupakan ilmu yang paling utama dalam Islam. Dalam hal ini, pandangan Tuan Minal dalam melihat kewujudan ilmu-ilmu lain adalah berasal daripada ilmu akidah sebagaimana yang dijelaskan oleh beberapa ulama lain.

Mabadi yang keenam ialah mengetahui tentang tokoh penting yang bertanggungjawab mengajarkan ilmu ini ialah Abu Hasan al-Ash'ari dan Abu Mansur al-Maturidi dan para pengikut mereka berdua.⁹⁴ Dalam hal ini, Syeikh Ahmad hanya mendatangkan seorang tokoh penting sahaja dalam kitabnya iaitu Imam Abu Hasan al-Ash'ari sebagaimana katanya, ‘yang dibangsakan kepada Imam Abu Hasan al-Ash'ari *madzhabnya*, lagi kepada Melayu bahasanya, lagi kepada Patani tuturnya, lagi kepada kenyataan isyaratnya.⁹⁵ Manakala, Syeikh `Umar Yusuf turut menyatakan Abu Hasan al-Ash'ari dan Abu Mansur al-Maturidi tetapi menambah bahawa Nabi Adam AS adalah penerima terawal bagi ilmu Tauhid dan yang terakhir adalah Nabi Muhammad SAW.⁹⁶

Manakala, *mabadi* ketujuh ialah menjelaskan nama-nama lain selain nama ilmu Tauhid seperti Ilmu Kalam dan sebagainya. Manakala, *mabadi* kelapan ialah mengenai sumber bagi ilmu ini iaitu al-Quran, hadis dan akal yang rasional.⁹⁷ Dalam hal ini, Imam al-Dasuki mengatakan akal ialah pencapaian seseorang dalam memahami tiga hukum akal iaitu wajib, mustahil dan harus sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Sanusi.⁹⁸ Dalam hal ini, Syeikh `Abd

⁹⁰ Ilmu akidah mempunyai kedudukan yang sangat mulia dan setinggi-tinggi ilmu jika dibandingkan dengan ilmu-ilmu yang lain. Lihat; al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad, *Jawahir al-Qur'an wa Dhurarah*. Tahqiq: Mahmud Biju, (Damshiq: Dar al-Taqwa, 2007), 43. Lihat; al-Zindani, 'Abd al-Majid 'Aziz, *Kitab al-Tawhid* (t.t.p: t.p.), 9.

⁹¹ Lihat; *Aqidah al-Najin*, 5.

⁹² Asas sesuatu ilmu itu berhajat kepada ilmu akidah, sedangkan ilmu akidah tidak memerlukan kepada ilmu-ilmu lain. Lihat al-Kufi, Abu Hanifah al-Nu'man bin Thabit, *Sharh Kitab al-Fiqh al-Akbar* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1984), 5. Lihat al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad, *Jawahir al-Qur'an wa Dhurarah*. Tahqiq: Mahmud Biju (Damsyik: Dar al-Taqwa, 2007), 44.

⁹³ Lihat *Aqidah al-Najin*, 5.

⁹⁴ Lihat *Aqidah al-Najin*, 5.

⁹⁵ Ahmad Muhammad Zayn, *Faridat al-Faraid fi 'ilm al-'Aqa'id* (Pulau Pinang: Maktabah Wa Matba'ah Dar al-Ma'arif, 1313H), 3.

⁹⁶ Syeikh `Umar Yusuf, *Risalah al-Tawhid* (Selangor: Al-Hidayah Publication, 2018), 7.

⁹⁷ Lihat *Aqidah al-Najin*, 9. Akal menjadi alat untuk membezakan manusia antara makhluk yang lain. Keupayaan akal yang cerdas, sihat dan sempurna dapat menyelami erti sebenar ilmu pengetahuan yang mana kesemuanya itu menunjukkan tanda-tanda keagungannya dan kewujudannya yang Maha Esa. Lihat Amini Amir Abdullah, “Epistemologi dan Aksiologi Islam”, dalam Hj. Ahmad Fauzi Hj. Murad et al., (ed). *Tamadun Islam* (Serdang:Universiti Putra Malaysia, 1997), 29.

⁹⁸ Al-Dasuki, Muhammad, *Hasyiah Umm al-Barahin* (Kaherah: Dar al-Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah, t.th.), 51.

Ghani dan `Umar Yusuf seolah-olah tidak menggemari untuk meletakkan dalil akal sebagai sebahagian daripada sumber ilmu akidah yang ketiga iaitu akal selain al-Quran dan hadis.⁹⁹ Beliau menyebut, ‘tempat ambilnya iaitu diterbitkan daripada Qur’an dan Hadith’.¹⁰⁰ Tidak seperti mana Tuan Minal di mana dengan jelas menyatakan kedudukan akal boleh menjadi sumber dalam ilmu akidah selain al-Quran dan hadis.

Mabadi kesembilan ialah berkenaan dengan hukum syara’ mempelajari ilmu ini terbahagi kepada wajib fardu ain dan fardu kifayah. Dalam menjelaskan hal tersebut hukum mempelajari ilmu tauhid adalah wajib fardu ain tidak kira lelaki dan perempuan.¹⁰¹ Beliau menjelaskan berkenaan dengan hukum wajib syarak terbahagi kepada dua bahagian itu hukum wajib fardu ain dan wajib fardu kifayah. Tuan Minal turut menentukan kadar-kadar yang selayaknya bagi seseorang itu melepasi tahap wajib tersebut. Misalnya kadar wajib fardu ain ialah apabila seseorang itu dapat mengetahui sesuatu perkara sehingga mampu melepaskan dirinya daripada *taqlid* dan mampu mencapai kebenaran seperti dapat mengetahui Allah SWT itu wajib bersifat dengan sifat 20 secara *tafsil* dan mampu menolak syubhah yang jika ada sebarang keraguan yang ditimbulkan mengenai sifat 20. Bagi memudahkan seseorang itu mengukur batas wajib fardu ain, Tuan Minal membawakannya dalam bentuk cerita iaitu kisah ‘Asmu’i dengan seorang Badwi yang tidak mengenal Allah SWT yang mana akhirnya Badwi tersebut mampu membuktikan kewujudan Allah SWT melalui dalil alam tentang kejadian-Nya.¹⁰² Tahap kemampuan seseorang untuk mendatangkan dalil seperti ini adalah wajib pada semua orang Islam kerana ia dapat membebaskan keimanan diri daripada terjerumus ke lembah jahil dan taklid. Kedua ialah wajib kifayah iaitu apabila seseorang itu mampu untuk *mentahqiqkan* sesuatu masalah yang berlaku dengan yakin dan berupaya pula menetapkan dalil. Sehubungan itu, Tuan Minal membawakan satu cerita berkenaan satu perdebatan antara al-Dahri dengan Imam Abu Hanifah.¹⁰³ Di sebalik cerita yang didatangkan oleh Tuan Minal itu, ia sebenarnya ingin memberitahu kepada pembaca apabila seseorang itu telah mampu untuk membawakan dalil yang kukuh sebagaimana yang ditunjukkan oleh Imam Abu Hanifah yang telah menewaskan hujah akal al-Dahri, maka ia telah berjaya *mentahqiqkan* sesuatu masalah dan mampu menyelesaikan persoalan sukar yang ditimbulkan oleh golongan ateis. Oleh sebab itu, Tuan Minal menyatakan hukumnya adalah wajib fardu kifayah di mana bagi setiap dua marhalah perlu ada seorang yang alim yang akan bertindak untuk menyelesaikan masalah akidah umat Islam apatah lagi jika ada pihak yang cuba untuk menyelewengkan akidah umat Islam. Jika hal tersebut tidak ada orang alim yang dapat mematahkan hujah-hujah yang ditimbulkan oleh golongan Bid’ah, maka berdosa bagi seluruh negeri.¹⁰⁴ Keupayaan Tuan Minal menjelaskan hukum belajar ilmu tauhid dengan memasukkan elemen bercerita ini merupakan idea yang kreatif dan mudah untuk difahami. Manakala, *mabadi* kesepuluh ialah berkenaan dengan hukum perbahasan mengenainya yang meliputi hukum *wajibat*, *ja’izat* dan *mustahillat*. Oleh itu, sepuluh *mabadi* yang diketengahkan oleh Tuan Minal menjadi pelengkap kepada kesempurnaan individu yang berhasrat untuk belajar ilmu Tauhid.

Sekali imbas apa yang dijelaskan oleh Tuan Minal ini kelihatannya hampir sama dengan apa yang disebut oleh Syeikh `Abd Ghani dan `Umar Yusuf. Namun, apabila dibuat penelitian didapati Tuan Minal tidak meletakkan sepuluh *mabadi* itu sebagai suatu yang wajib dikuasai sepenuhnya oleh penuntut ilmu Tauhid. Tuan Minal berpendapat adalah mencukupi jika seseorang itu dapat menguasai setengah daripadanya, namun sekiranya seseorang itu berupaya untuk menguasai 10 *mabadi* tersebut, maka ia dianggap telah mencapai satu tahap kemahiran

⁹⁹ Lihat Syeikh `Umar Yusuf, *Risalah al-Tawhid* (Selangor: Al-Hidayah Publication, 2018), 5.

¹⁰⁰ Lihat Syeikh `Umar Yusuf, *Risalah al-Tawhid*, 5.

¹⁰¹ Lihat *Aqidah al-Najin*, 5.

¹⁰² Lihat *Aqidah al-Najin*, 7.

¹⁰³ Lihat *Aqidah al-Najin*, 7.

¹⁰⁴ Lihat *Aqidah al-Najin*, 8.

yang tinggi dalam ilmu Tauhid sehingga disebut oleh Tuan Minal akan mendapat kemuliaan dalam ilmu akidah.¹⁰⁵ Hal ini menunjukkan bahawa prasyarat 10 *mabadi* itu bukanlah bersifat mandatori, malah ia masih bersifat anjal dengan melihat kepada keupayaan diri masing-masing dalam menguasai ilmu.

Sepuluh *mabadi* yang dikemukakan oleh Tuan Minal didapati istimewa berbanding dengan apa yang dikemukakan oleh Syeikh `Abd Ghani dan `Umar Yusuf kerana beliau terlebih dahulu memperkenalkan konsep ilmu, diikuti dengan itu pada peringkat permulaan. Manakala, Syeikh Ahmad hanya mendatangkan dua *mabadi* sahaja iaitu faedah dan skop perbincangan dalam ilmu tauhid.

Keistimewaan Kitab ‘*Aqidah al-Najin* dalam Membahaskan tentang *Ilah*

Wacana akidah ketuhanan merupakan satu aspek penting yang diberi perhatian oleh ulama-ulama Nusantara. Karya-karya akidah yang ditulis oleh ulama Nusantara seperti *Faridat al-Faraid fi`Ilm al-Aqaid*, *Risalah al-Tawhid*, *Bakurah al-Amani*, *Perisai bagi Sekalian Mukallaf* dan banyak lagi memulakan perbincangan awal dengan membincangkan persoalan ketuhanan terlebih dahulu. Hal ini kerana, perbahasan mengenai wacana akidah ketuhanan menjadi perkara pokok yang perlu difahami sebelum beberapa wacana lain seperti kenabian dan perkara-perkara ghaib. Ketidaktahuan dan kekeliruan yang berlaku boleh menyebabkan iman seseorang itu terbatal dan terjerumus ke lembah kesesatan. Kisah tentang kesesatan dan penyelewengan agama ini telah pun dirakamkan dalam al-Quran misalnya kesesatan akidah kaum Yahudi dan Nasrani.¹⁰⁶

Terdapat empat wacana akidah yang dibahaskan oleh Tuan Minal dan makalah ini hanya memfokuskan kepada wacana ketuhanan sahaja dengan memperlihatkan keistimewaannya berbanding dengan karya-karya ulama Melayu yang lain. Sebelum subtopik ini, akan dibincangkan wacana ketuhanan dalam karya ‘*Aqidah al-Najin* yang akan dirumuskan kemudiannya tentang keistimewaan wacana tersebut. Perbincangan subtopik ini akan melibatkan beberapa aspek dan antara perbincangan tersebut adalah mengenai nama Allah SWT.

Perbincangan mengenai nama Allah SWT menjadi satu perbahasan penting dalam kalangan ulama Nusantara. Misalnya Syeikh `Abdul Ghani dan `Umar Yusuf dalam kitab *Risalah al-Tawhid* mengatakan, ‘Tuhan mempunyai banyak nama dan nama Tuhan yang paling mashyur ialah Allah SWT’. Beliau menjelaskan lagi bahawa nama bagi Allah SWT itu banyak sebagaimana yang terdapat dalam *al-Asma’ al-Husna*. Nama-Nya yang paling mashyur ialah Allah yang juga disebut ‘al-Jalal’.¹⁰⁷ Selain itu, Syeikh Ismail bin Abdul Qadir al-Fatani turut menggunakan kalimah Tuhan bagi menjelaskan Allah Yang Maha Berkuasa dan Berkehendak. Biar pun Syeikh Ismail tidak menjadikan persoalan Tuhan ini sebagai satu perbahasan yang panjang lebar tetapi beliau turut membawakan kalimah Tuhan dalam *muqaddimah* penulisannya. Hal ini disebut oleh beliau:

‘Dan hamba harapkan Tuhan memberi guna dengan dia akan orang-orang yang rendah dan tinggi pengajiannya dan awam dan bahawa Tuhan jadikan dia daripada pertaruhan

¹⁰⁵ Syeikh Zainal Abidin al-Fatani, 5.

¹⁰⁶ ‘Imad al-Din Abu al-Fida’ Isma’il bin ‘Amru bin Kathir al-Basari, *Tafsir al-Qur’an al-‘Azim*, 1 (Kaherah: Dar-al-Hadith, 1988), 20.

¹⁰⁷ Maka, bagi Tuhan ada banyak nama-nama yang molek (*al-Asma’ al-Husna*) dan sifat-sifat yang Maha Besar dan Yang Maha Tinggi. Nama Tuhan yang lebih mashyur antara segala nama-nama-Nya ialah Allah, disebut lafaz al-Jalal (lafaz yang Maha Besar), maka yang lain daripada ini diketahui daripada Quran dan hadis. Lihat; Ahmad Muhammad Zayn, *Faridat al-Faraid fi ‘ilm al-‘Aqa’id* (Pulau Pinang: Maktabah Wa Matba’ah Dar al-Ma’arif, 1313H), 3.

kebijakan yang makbul disisi-Nya bahawasanya Ta'ala amat berkuasa atas barang yang Ia kehendak'.¹⁰⁸

Penggunaan kalimah Tuhan dalam kenyataan di atas adalah merujuk kepada Allah SWT yang bersifat *Qudrah* dan *Iradat* kerana pada pandangan Syeikh Ismail hanya Allah SWT yang mampu memberikan hidayat atas usaha seseorang yang membaca kitabnya. Selain itu, Syeikh `Abdul Ghani dan Syeikh `Umar Yusuf juga telah menggunakan kalimah Tuhan dalam menunjukkan Tuhan yang menjadikan alam ini. Hal ini disebut oleh beliau:

'Sungguhnya jika seorang berfikir dan menilik memperhatikan kejadian alam ini nescaya ia dapat petunjuk bahawa Tuhan yang menjadikan dia. Maka umbi dan puncunya ialah dari mengesakan Allah SWT'.¹⁰⁹

Penggunaan kalimah ini dalam kenyataan tersebut adalah merujuk kepada Allah SWT sahajalah yang boleh memberi petunjuk dan mendatangkan keimanan kepada seseorang setelah seseorang itu berfikir dengan mendalam tentang ciptaan Allah SWT Yang Maha Berkuasa.

Secara ringkasnya penggunaan kalimah Tuhan digunakan dalam karya ulama-ulama di atas adalah merujuk Tuhan sebagai Pencipta, Pemberi Hidayat, Pemberi Rahmat dan sebagainya. Namun, bagaimanakah pula pandangan Tuan Minal berkenaan penggunaan kalimah Tuhan dalam penulisannya?. Tuan Minal menyatakan kalimah Tuhan digunakan bagi menggambarkan Ia Maha Kaya dan Tuhan yang layak disembah dan Tuan Minal beranggapan perkataan *ilah* adalah yang paling tepat bagi menunjukkan Ia adalah Tuhan yang disembah dan Maha Kaya.¹¹⁰ Hal yang sama juga dikemukakan oleh Muhammad Zayn yang mengatakan kalimah *ilah* adalah yang paling tepat bagi memaknakan Tuhan itu Maha Kaya dan Tuhan yang benar-benar disembah.¹¹¹

Istimewanya perbincangan tentang kalimah *ilah* ini kerana Tuan Minal mengaitkannya dengan kandungan yang terdapat dalam *syahadah* '*lailaha illa Allah*'. Dalam menjelaskan kalimah *syahadah* ini, Tuan Minal berpendapat kalimah tersebut seolah-olah menggambarkan tentang kewujudan tuhan lain yang ingin dinafikan oleh Allah SWT, namun perkataan ini hanya memberi makna dari segi sebutan sahaja kerana pada hakikatnya tiada tuhan lain yang layak disembah melainkan Allah SWT. Maka, ia berbeza dengan agama lain yang mempunyai banyak tuhan seperti tuhan matahari, bulan, api, berhala dan sebagainya.¹¹² Oleh itu, Tuan Minal menyatakan '*al-Ilah al-Haq*' ialah satu istilah yang sesuai untuk disandarkan kepada Allah SWT. Biarpun perkataan '*al-Ilah al-Batil*' turut dirujuk sebagai tuhan, namun Tuan Minal sangat tidak menggemarinya kerana ia merupakan satu perlambangan yang tidak sesuai untuk disandarkan kepada tuhan walaupun ia dirujuk kepada sembah orang kafir. Tuan Minal berpendapat kalimah '*al-Ilah*' sama sekali tidak layak untuk disandarkan kepada sesuatu yang buruk dan batil walaupun beliau sendiri memasukkan istilah tersebut. Beliau memasukkan juga istilah tersebut kerana ia dianggap telah diketahui umum dan sudah luas penggunaannya. Maka, maksud beliau memasukkan istilah tersebut hanyalah untuk memberi penjelasan dan bukannya bagi tujuan mengagungkannya.¹¹³ Ringkasnya, penggunaan kalimah Tuhan ini telah diolah dengan begitu panjang lebar oleh Tuan Minal dan ini menunjukkan keupayaannya memberi pencerahan yang jelas tentang sesuatu maksud.

¹⁰⁸ Syeikh Ismail Abdul Qadir al-Fatani, *Bakurah Al-Amani* (Batu Caves Selangor: Al-Hidayah Publications, 2018), 3.

¹⁰⁹ `Abdul Ghani Yahya, `Umar Yusuf, *Risalah al-Tawhid*, alih tulisan Jawi Noraine Abu (Batu Caves Selangor: Al-Hidayah Publications, 2018), 19.

¹¹⁰ Lihat *`Aqidah al-Najin*, 82.

¹¹¹ Lihat Muhammad Zayn Faqih Jalaluddin, *Bidayah al-Hidayah* (Singapura: Percetakan al-Ma'arif Sdn. Bhd, t.th.), 29.

¹¹² Lihat *`Aqidah al-Najin*, 85.

¹¹³ Lihat *`Aqidah al-Najin*, 85.

Selain itu, al-Razi berpendapat kalimah Allah berasal daripada lafaz ‘*al-Ilah*’. Walaupun ada sebahagian ulama yang berpendapat ia berasal daripada kalimah *al-Ibadah* yang memberi maksud pengabdian dan penyembahan. Oleh sebab pengabdian dan penyembahan ini merupakan bentuk kepatuhan yang paling tinggi bagi manusia, maka sudah tentu orang yang menyembahnya itu berada paling bawah dan yang disembahnya itu paling tinggi dan mulia. Kemuliaan inilah yang meletakkan nama *al-Ilah* itu berada dalam *al-Asma al-Husna*. Maka, ternafilah nama-nama yang lain itu tidak akan memberi makna dan maksud.¹¹⁴ Kalimah Allah SWT juga mengandungi ciri-ciri kemuliaan yang terkandung padanya dua keadaan iaitu nama dan sifat-Nya. Kemuliaan pada nama Allah SWT ialah kerana ia dikhususkan untuk Allah SWT sahaja. Manakala, kemuliaan pada sifat-Nya ialah kerana nama ini berasal daripada makna *al-Ibadah* nama Allah SWT. Hal ia dianggap sebagai *al-Ibadah* adalah kerana setiap pengabdian yang dilakukan berkehendakan kepada keyakinan yang sebenar-benarnya kepada yang disembah.¹¹⁵ Oleh sebab itu, perbincangan mengenai *al-Asma’ al-Husna* menjadi satu perbincangan yang penting dalam ilmu akidah kerana ia juga menjadi wasilah bagi mengenal Allah SWT¹¹⁶ Perbincangan ini bukan hanya dalam kalangan ulama mutakalimin, bahkan turut dibahaskan oleh ulama hadis seperti al-Nawawi (m. 676H), Ibn Hajar al-‘Asqalani (m.773-852H) dan al-Sayuti (m. 911H).¹¹⁷

Secara ringkasnya, ketelitian yang ditunjukkan oleh Tuan Minal dalam menjelaskan sesuatu kalimah Tuhan terutamanya yang melibatkan ‘*dhat*’ yang Maha Kuasa adalah sangat diberi perhatian olehnya. Hal ini kerana, beliau tidak berkehendak sesuatu yang dikemukakan itu tidak menimbulkan percanggahan dengan keagungan dan kebesaran ‘*dhat*’ Allah SWT yang Maha Suci.¹¹⁸

Kesimpulan

Tuan Minal merupakan seorang ulama Nusantara yang sangat teliti memilih perkataan yang paling sesuai dalam membuat pentakrifan. Tuan Minal teliti dalam memilih perkataan yang sesuai dengan menggunakan bahasa Arab yang dilihatnya paling tepat dalam menjelaskan sesuatu maksud berbanding dengan memasukkan perkataan bahasa Melayu. Begitu juga dalam membicarakan soal sepuluh *Mabadi* ilmu Tauhid, Tuan Minal didapati berupaya menjelaskannya secara tersusun berbanding beberapa karya ulama nusantara yang lain. Hal ini telah menunjukkan bahawa Tuan Minal sangat memberi perhatian bahawa dalam menguasai ilmu Tauhid seseorang itu perlu menguasai sepuluh asas yang telah dinyatakan. Sepuluh *Mabadi* ilmu Tauhid itu menjadi panduan kepada para pelajar yang bercita-cita menjadi alim dalam bidang Tauhid. Begitu juga ketika membincangkan perkara mengenai *al-Ilah* didapati ia sangat berhati-hati dan perlu difahami dengan sebaiknya kerana ia berkait rapat dengan keagungan dan kebesaran ‘*dhat*’ Allah SWT yang Maha Suci. Seharusnya ia adalah perkara yang tidak boleh dipandang ringan dan memerlukan penelitian yang mendalam. Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa kitab *Aqidah al-Najin* yang dikarang oleh Tuan Minal ini ialah sebuah karya yang istimewa jika dibandingkan dalam beberapa aspek yang dikaji berbanding dengan beberapa kitab Melayu yang lain.

¹¹⁴ Lihat Fakhr al-Din Muhammad bin ‘Umar bin al-Hasan al-Razi, tahqiq Taha Abd al-Ra’uf Sa’d, *Lawami al-Bayyinat Sharh Asma Allah Ta’ala wa al-Sifat* (t.tp: Maktabah al-Azhariyyah Li al-Thurath, 2000), 92-93.

¹¹⁵ Muhamad Basthani Abdullah & Mohd Fauzi Hamat, “Pemikiran Fakhr al-Razi tentang *al-Isma al-A’zam* bagi Allah SWT”, *Jurnal Usuluddin* 43 (2016), 29.

¹¹⁶ Muhamad Basthani Abdullah & Mohd Fauzi Hamat, “Pemikiran Fakhr al-Razi tentang *al-Isma al-A’zam* bagi Allah SWT”, *Jurnal Usuluddin* 43 (2016), 36.

¹¹⁷ Lihat Muhamad Basthani Abdullah & Mohd Fauzi Hamat, “Pemikiran Fakhr al-Razi tentang *al-Isma al-A’zam* bagi Allah SWT”, *Jurnal Usuluddin* 43 (2016), 36.

¹¹⁸ Lihat Faizuri Abd. Latif, *Tafsiran Sifat Allah Menurut Pemikiran Tuan Minal*, 118.

Bibliografi

- `Abd al-Rahman Hanbaqah al-Maydani. *al-`Aqidah Islamiyyah wa `Ususuha*, 2. Damsyik: Dar al-Kalam, 1966.
- Abi Hamid al-Ghazali. *Ihya' Ulum al-Din*, Hazzabahu `Abdu al-Salam Harun. Kaherah: Dar al-Tawzi' Wa al-Nashr al-Islamiyyah, 1997.
- Abi Hamid al-Ghazali. *Ihya' Ulum al-Din*, terj. Ismail Yakub, 8. Jakarta: Wisma DPR, 1980.
- `Adul Ghani Yahya & `Umar Yusuf. *Risalah al-Tawhid*, alih tulisan Jawi Noraine Abu. Batu Caves Selangor: Al-Hidayah Publications, 2018.
- `Imad al-Din Abu al-Fida' Isma'il bin `Amru bin Kathir al-Basari. *Tafsir al-Qur'an al-`Azim*, 1. Kaherah: Dar-al-Hadith, 1988.
- Abd Jalil Borham. Islam Di Nusantara. Kertas kerja Kolokium Islam Pahang 'Meraikan Ilmu' anjuran Muzium Negeri Pahang, Panggung Tun Razak, Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang, 18 Mac 2014.
- Abu Jaafar al Masri al-Thahawi. *al-`Aqidah al-Thohawiyah*, cetakan 1. Kaherah: Dar al-Ghid al-Jadid, 2009.
- Ahmad Muhammad Zayn. *Faridat al-Faraid fi `Ilm al-`Aqa'id*. Pulau Pinang: Maktabah Wa Matba'ah Dar al-Ma'arif, 1313H.
- Ahmad Fathy al-Fatani. *Pengantar Sejarah Patani*. Alor Setar: Pustaka Darussalam, 1994.
- Ahmad Fathy al-Fatani. *Ulama Besar Dari Patani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002.
- Ahmad Fathy al-Fatani. *Ulama Besar Dari Patani*. Kota Baharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2013.
- Al-Dasuki, Muhammad. *Hasiyah Umm al-Barahin*. Kaherah: Dar al-Ihya' al-Kutub al-`Arabiyyah, t.th.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad Muhammad. *Jawahir al-Qur'an wa Dhurarah*, tahqiq Mahmud Biju. Damsyik: Dar al-Taqwa, 2007.
- Al-Jawhari, Muhammad Rabi' Muhammad. *`Aqidatuna*. Kaherah: t.tp, 1998.
- Al-Kufi, Abu Hanifah al-Nu'man bin Thabit. *Sharh Kitab al-Fiqh al-Akbar*. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, 1984.
- Al-Qardhawi, Yusuf. *al-Sunnah Masdar al-Ma'rifah wa al-Hadharah*. Kaherah: Dar al-Shuruq, 1997.
- Al-Zindani, `Abd al-Majid `Aziz. *Kitab al-Tawhid*. T.tp: t.p.
- Amini Amir Abdullah. "Epistemologi dan Aksiologi Islam", dalam Hj. Ahmad Fauzi Hj. Murad et al., (ed). *Tamadun Islam*. Serdang:1Universiti Putra Malaysia, 1997.
- Andaya, Barbara Watson. *Perak, The Abode of Grace: A Study of an Eighteenth-Century Malay State*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1979.
- Arba'iyah Mohd Noor. Perkembangan Persejaraan Islam di Alam Melayu, *Jurnal al-Tamaddun* 6 (2011), 29-50.
- Ding Choo Ming. *Manuskrip Melayu Sumber Maklumat Peribumi Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008.
- Faizuri Abd. Latif. *Tafsiran Sifat Allah Menurut Pemikiran Tuan Minal Berdasarkan Kitab `Aqidah al-Najin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2020.
- Fakhr al-Din Muhammad bin `Umar bin al-Hasan al-Razi, tahqiq. Taha Abd al-Ra'uf Sa'd. *Lawami al-Bayyinat Sharh Asma Allah Ta'ala wa al-Sifat*. T.tp: Maktabah al-Azhariyyah Li al-Thurath, 2000.
- Farid Mat Zain, et al. Sheikh Ahmad al-Fatani dan Sumbangannya Terhadap Pengembangan Pemikiran Islam di Pulau Jawa, (eds) Nadwah Ulama Nusantara III. Bangi: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006.
- H.M Asywadie Syukur. *Pemikiran-Pemikiran Tauhid Syekh Muhammad Sanusi*. Surabaya: Penerbit Bina Ilmu, 1994.

- Haji Yusuf al-Haji Mustafa Bandar Patani. *Sejarah Dan Silsilah Keturunan Tuan Minal*. T.tp: t.p, 1991.
- Haji Yusuf al-Haji Mustafa. *Dari Hal Sejarah dan Silsilah Keturunan Tuan Minal (Syeikh Zainal Abidin bin Ahmad)*. Pattani: Naskhah Taip, 1991.
- Harapandi Dahr, "Pengajaran Kitab Turath Melayu Di Brunei Darussalam". *AL-Fikra: Jurnal Ilmiah Keislaman* 15.1 (2016).
- Hasbullah Mohamad. "Hadith-Hadith Akidah dalam Kitab-Kitab Jawi: Tumpuan Kepada Kitab 'Aqidah al-Najin". Disertasi Sarjana Usuluddin, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2000.
- Ibnu Muhammad Zayn Mustafa Al-Fatani. *Faridat al-Faraid fi 'ilm al-'Aqa'id (Permata Yang Bernilai Dalam Membicarakan Ilmu 'Akidah)*, alih tulisan Jawi ke Rumi. Batu Caves Selangor: Al-Hidayah Publications, 2018.
- Ibrahim Abu Bakar. *Faridat al-Faraid fi 'ilm al-'Aqa'id (Penyelenggara)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.
- Ibrahim Abu Bakar. *Usuluddin Dalam Karya Arab dan Melayu Klasik*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2016.
- Ismail Che Daud. "Tok Guru Wan Ahmad Patani (1856-1908)", dalam *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (I)*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1988.
- Kamaluddin Ibrahim. "Kata Penerbit," dalam Kitab *'Aqidah Al-Najin Fi 'Ilm Usul Al-Din*. Batu Caves: Al-Hidayah Publication, 2019.
- Kamus *Istilah Usuluddin dan Falsafah Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.
- Kamus Dewan. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 2010.
- Masyhurah Mohamad Rawi et al., *Institusi Pondok Dalam Sistem Pendidikan Islam Di Malaysia, Proceeding The 7th International Workshop And Conference Of Asean Studies On Islamic And Arabic Education And Civilization (Poltan-Ukm-Polimed) 3 June (2015)*.
- Maydani, 'Abd. Rahman Hasan al-Habannakah. *Al-'Aqidah al-Islamiyyah wa Ususuha*. Damsyik: Dar al-Kalam, 2002.
- Mohd Anuar Ramli, Mohammad Aizat Jamaluddin, Muhammad Ikhlas Rosele & Mohd Akmal Sidik, "Sumbangan Ulama Melayu Klasik Dalam Pembinaan Kearifan Tempatan Di Alam Melayu," *Jurnal Pengajian Melayu* 27 (2016), 180-198.
- Mohd Haidhar Kamarzaman, et al. *Citra Usuluddin dan Falsafah*, peny. Ahmad Sunawari Long & Zul'Azmi Yaakob. Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah UKM, 2015.
- Mohd Zamberi A. Malik. *Patani Dalam Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1994.
- Mudasir Rosder & Tuan Rogayah Raja Omar. *Buku-Buku Aqidah Edisi Jawi: Ulasan dan Penilaian*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 1997.
- Muhamad Basthani Abdullah & Mohd Fauzi Hamat, "Pemikiran Fakhr al-Razi tentang *al-Isma' al-A'zam* bagi Allah SWT", *Jurnal Usuluddin* 43.1 (2016), 1-40.
- Muhammad 'Ali al-Sabuni. *Safwah al-Tafasir*. 1. Mansurah: Maktabah al-Iman, t.th.
- Muhammad Rashidi Abdul Wahab. "Kata-Kata Aluan," dalam *Nafisah al-Faizin*, et al., Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu, 2016.
- Muhammad Rashidi Wahab. "Pendalilan Mantik Al-Ash'ari Dalam Akidah Ketuhanan". Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 2019.
- Muhammad Said Ramadan al-Buti. *Kubra Yaqiniyyat al-Kawniyyah*. Damsyik: Dar al-Fikr, 1420H.
- Muhammad Zaki Badawi. *Latar belakang Kebudayaan Penduduk-Penduduk di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1962.

- Muhammad Zayn Faqih Jalaluddin. *Bidayah al-Hidayah*. Singapura: Percetakan al-Ma'arif Sdn. Bhd, t.th.
- Nik Anuar Nik Mahmud. *Sejarah Perjuangan Melayu Patani 1785-1954*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- S. M Naquib al-Attas. *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bangi: Penerbit UKM, 1972.
- S.M Naquib al-Attas. *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1969.
- Sa'ad Shukri Haji Muda. *Detik-Detik Sejarah Kelantan*. Kota Bharu: Penerbit PAP Kelantan, 1971.
- Sayyid Sābiq. *al-'Aqā'id Islāmiyyah*. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, t.t.
- Sheikh Zainal 'Abidin al-Fatani. *'Aqidah al-Najin fi 'Ilm Usul al-Din*. Fatani: Matba'ah bin Halabi, t.t.
- Syed Salim Syed Shamsuddin, "Pemantapan Pelajar Aliran Syariah di Institusi Pengajian Tinggi Melalui Pengajian Kitab Turath Jawi: Tinjauan Terhadap Perlaksanaan Pengajian Talaqqi di Universiti Sains Islam Malaysia", *Jurnal Sains Insani* 3, (2018), 27-37.
- Syeikh 'Abdul Qadir 'Abdul Mutalib Al-Indonesia Al-Mandili. *Perisai Bagi Sekalian Mukallaf atau Simpulan Iman Atas Mazhab Salaf*. Patani: Matba'ah bin Halabi, t.th.
- Syeikh Ismail Abdul Qadir al-Fatani. *Bakurah Al-Amani*. Batu Caves Selangor: Al-Hidayah Publications, 2018.
- Syeikh Muhammad Ali al-Sabuni. *Safwah al-Tafasir*, jilid 3. Beirut: Dar al-Qur'an al-Karim, 1981.
- Syeikh Muhammad Hasan Ayyub. *Tabsit al-Aqaid al-Islamiyyah*. Kuwait: Maktabah al-Thaqafah al-Arabiyyah, 1971.
- Syeikh 'Umar Yusuf. *Risalah al-Tawhid*. Selangor: Al-Hidayah Publication, 2018.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusoff. "Peradaban Melayu Dalam Modenisasi dan Globalisasi Budaya dalam Wacana Budaya", *Jurnal Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Melayu*, (2006).
- Wan Mohd Saghbir Abdullah. *Tuan Minal al-Fatani, Karangannya Rujukan Ulama Melayu dalam Wan Mohd Saghbir Abdullah. Ulama Dunia Melayu Yang Diperkenalkan Dalam Utusan Malaysia*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyyah, 2007.
- Wan Muhamad Shaghbir Abdullah. *Al-'Allamah Syeikh Ahmad al Fatani Ahli Fikir Islam dan Dunia Melayu: Guru kepada hampir semua ulama dan tokoh Asia Tenggara Abad ke 19-20*. I, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyyah, 1992.
- Wan Muhamad Shaghbir Abdullah. 'Manuskrip Islam Dunia Melayu Ditinjau Dari Pelbagai Peringkat' dalam *Pengasuh*, 553, 24, Majlis Aagama Islam Kelantan.
- Wan Muhamad Shaghbir Abdullah. Zainal Abidin al-Fatani. *Majalah Dakwah*. April, 1991.
- Wan Suhaimi Wan Abdullah. "Beberapa Aspek Epistemologi al-Sheikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani: Suatu Penelitian Awal terhadap karyanya 'Aqidah al-Najin Fi 'Ilm Usuluddin'" *Jurnal AFKAR* 2.1 (2001), 107-122.
- Zainal Kling. "Social Structure: The Practices of Malay Religiosity", dalam *Islamic Civilization in the Malay Word*, ed. Mohd Talib Osman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997.

